

# Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR

# AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# LAPORAN

## ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

### 2025

#### PEJABAT BENDAHARI PENGURUSAN KEWANGAN

---

**KETUA PTJ :**

JUNITA BINTI JAMALUDIN

**KETUA UNIT KUALITI :**

NORHAFIZAH BINTI CHE MAT

**PENYELARAS :**

ZARINA BINTI HUSSIN

**PENULIS :**

1. SHALEZAH BINTI SHAFE'E
2. SHALEZAH BINTI SHAFE'E
3. MOHD ZULKAMAR BIN JOHARI
4. NUR FAIZAHTON BINTI FISAL
5. JUBINA BINTI RAMLI
6. NAJIHAN BINTI SADALI @ TALIB
7. AZMAN BIN BUJAL

8. HERNI BINTI RAHMAT
9. INTAN BAIZAH BINTI ABD. AZIZ
10. ROS YATI BINTI SABERON
11. SOLEHA BINTI ROMALLANI
12. NOOR SHAREENA BINTI AMAN
13. SITI HELWANA BINTI YUSRI
14. HASLINAWATI BINTI AB HAMID
15. NORAZNI BINTI MOHD SANI
16. NUR FARHANA BINTI ABD KARIM
17. MOHAMMAD NOOR AZIZI BIN YAAKOB
18. MOHD ZAKI BIN AHMAD ZABIDI
19. RAHIZA BINTI DOHADI
20. ABDULLAH BIN HJ ABDUL RAHMAN
21. HAJAR ASWATI BINTI ZAMHARI
22. NOOR FAIZATUL FARIZA BINTI MOHD ISA
23. MUHAMMAD IZZUDDIN BIN MOHD ASRI
24. HAFIZI BIN AHMAD
25. NIK NOR WAHIDA BINTI NIK YUSOFF@N MAHMOOD
26. NURSYAFIQAH AIN BINTI MOHD SOHAMI
27. AINA SYAHIDA BINTI SUZAIMI
28. NURUL FARAHIN BINTI MUSTAFA KAMAL
29. NAZIRAH BINTI MOHD. NAJIB
30. NOOR HIDAYAH BINTI RUGANI
31. MOHD ZAMIR BIN AB RAHIM
32. SITI NAQUYAH BINTI JAMALUDIN
33. MOHD RAFIDI BIN MOHD SAMAN
34. ZARINA BINTI HUSSIN
35. NORHAFIZAH BINTI CHE MAT

## **KRITERIA 1 : KEPIMPINAN**

### **1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Seksyen 22 Akta UiTM 1976 (Akta 173) memperuntukkan peranan Bendahari sebagai pegawai utama yang dilantik oleh Lembaga Pengarah bagi menguruskan hal ehwal kewangan universiti di bawah arahan dan kawalan Naib Canselor. Diperkukuhkan dengan struktur Pengurusan Kanan yang mantap, Bendahari dibantu oleh 3 orang Pengarah Kewangan WA14, 8 orang Pengarah Kewangan WA13 dan 3 orang Timbalan Bendahari WA12 yang memainkan peranan penting dalam menggerakkan bidang tumpuan pengurusan kewangan universiti.

#### **Perancangan**

Pengurusan Kanan komited merangka perancangan strategik bagi memastikan pengurusan kewangan UiTM dilaksanakan secara efektif, telus dan berdaya saing selaras dengan Pelan Strategik UiTM 2025 serta PSPB2021-2025. Lima teras utama menjadi asas perancangan, iaitu Melestarikan Kewangan Universiti, Pemantapan Tadbir Urus Kewangan, Pengiktirafan Kepakaran, Pemerksaan Sumber Manusia dan Pembangunan Bakat. Antara perancangan yang digariskan termasuk pelaksanaan kewangan strategik, pengukuhan tadbir urus melalui dasar kewangan, pengiktirafan kepakaran di peringkat universiti dan nasional, pemerksaan modal insan melalui latihan serta pembangunan bakat staf yang berkompentensi tinggi. Perancangan ini menjadi asas kukuh bagi menyokong kelestarian kewangan UiTM secara mampan dan berimpak tinggi.

#### **Pelaksanaan**

Pengurusan Kanan melaksanakan strategi melalui lima teras utama dengan inisiatif berfokus. "Melestarikan Kewangan Universiti" dicapai melalui Bengkel Pelan Kewangan, kawalan bajet oleh Bahagian Belanjawan, serta libat urus bersama KPT, PMAC dan institusi kewangan yang menjana tambahan peruntukan RM122.5 juta. "Pemantapan Tadbir Urus Kewangan" diperkukuh melalui pengemaskinian pekeliling, audit dalaman ISO 9001:2015 dan sesi townhall bersama PTJ. "Pengiktirafan Kepakaran" dizahirkan melalui penglibatan Pengurusan Kanan dalam badan profesional serta pelantikan Bendahari sebagai panel pakar di peringkat nasional. "Pemerksaan Sumber Manusia" dan "Pembangunan Bakat" dilaksanakan melalui latihan, job rotation, kursus kewangan dan ICT, selain penglibatan dalam aktiviti sukan serta kebudayaan. Inisiatif ini memastikan JBend berdaya saing, telus dan mampan.

#### **Pemantauan**

Pemantauan pelaksanaan strategi dilaksanakan melalui mesyuarat utama seperti MPKU dan MKSP yang menilai prestasi kewangan, keberkesanan tadbir urus serta pencapaian dasar. Laporan peruntukan, perbelanjaan dan objektif kualiti dibahas secara teliti, manakala laporan Jawatankuasa Latihan dan Pembangunan Bakat menilai keberkesanan latihan dan pencapaian staf. Aspek semak dan imbang pula dilaksanakan melalui audit dalaman oleh Jawatankuasa Audit Dalam ISO melibatkan juruaudit bertauliah, serta audit luaran oleh LRQA bagi memastikan pematuhan piawaian antarabangsa. Selain itu, Task Force pengauditan tabung amanah turut diwujudkan untuk menilai tadbir urus kewangan secara menyeluruh. Langkah ini memastikan ketelusan, kecekapan operasi dan keberkesanan strategi sentiasa terjamin.

#### **Penambahbaikan**

Pengurusan Kanan melaksanakan pengurusan risiko secara sistematik melalui penyediaan Daftar Risiko yang merekodkan tahap, impak serta tindakan mitigasi dan boleh diakses melalui FINEPortal. Pada tahun semasa, tiga risiko baharu dikenal pasti iaitu belanjawan, penerimaan, dan pengurusan tabung, yang dibincangkan dalam Jawatankuasa Pemilik Risiko serta ditangani dengan pelbagai strategi termasuk perancangan Pelan Kewangan Universiti, prosedur baharu pindahan peruntukan amanah, dan kawalan ketat kod tabung. Selain itu, tindakan penambahbaikan turut diambil melalui MKSP Khas, penemuan audit dalam ISO, pelaksanaan

Blueprint Sistem Kewangan, pengakiran semua Jawatankuasa Kecemerlangan Operasi, serta perkongsian amalan terbaik bersama pihak dalaman dan luaran. Langkah ini memastikan penambahbaikan berterusan, tadbir urus yang mantap dan seterusnya memastikan kejayaan kelestarian kewangan universiti.

## 1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengurusan Kanan melaksanakan pengurusan kewangan UiTM berasaskan pendekatan kemampanan kewangan, bagi memastikan kelangsungan, kecekapan serta daya saing universiti jangka panjang. Lima(5) teras penting selaras PS UiTM dan PSPB2021-2025 iaitu:

1. Kelestarian Kewangan-Bengkel Pelan Kewangan diadakan bagi merangka sasaran kewangan mampan universiti. Amanat Tahun Baharu NC 2024 menetapkan sasaran penjanaaan pendapatan universiti sehingga RM1bilion menjelang 2025. Pengurusan Kanan menggerakkan strategi pendanaan melalui inisiatif libat urus dengan pihak berkepentingan seperti KPT, MoF dan PTj serta melaksanakan penstrukturan terhadap hasil universiti. Pengukuhan Unit Endowmen dan RED di bawah JBend turut menjadi pemangkin utama dalam pendanaan hasil universiti.

Bukti 1\_JBend\_K1-Ai

2. Pemantapan Tadbir Urus Kewangan-Pengurusan Kanan memastikan kewangan Universiti diuruskan dengan telus, berakuntabiliti, berintegriti dan mematuhi dasar kewangan melalui perangkaan serta penambahbaikan prosedur dan pekeliling. Peranan BBU diperkasa dalam merancang, mengurus dan mengawal sumber kewangan bagi menjamin kemampanan universiti. Kecekapan pengurusan kewangan dipertingkatkan melalui pendigitalan proses kerja meliputi bayaran, perolehan dan bajet. Pengurusan Kanan berperanan sebagai penasihat utama tadbir urus kewangan dengan penglibatan tetap dalam jawatankuasa dan mesyuarat strategik, eksekutif dan operasi Universiti seperti MEU, LP, JPU, JPKA, JTK dan JBPNP. Di peringkat JBend, MPKJB, MPKU dan MKSP dijadikan platform utama perbincangan kewangan. Penetapan takwim mesyuarat di awal tahun membolehkan perancangan, penyelarasan dan perbincangan isu kewangan dilaksanakan secara sistematik bersama ketua JBendC seluruh sistem UiTM. Sebagai tindakan proaktif Pengurusan Kanan menubuhkan Task Force bagi melaksanakan pengauditan dan penambahbaikan tadbir urus.

Bukti 2\_JBend\_K1-Aii

3. Pengiktirafan Kepakaran-Pengurusan Kanan memiliki kompetensi tinggi dan kelayakan profesional dalam bidang kewangan serta perakaunan, dengan penglibatan aktif dalam jawatankuasa strategik universiti dan platform nasional. Kepakaran ini diiktiraf melalui pelantikan Bendahari sebagai penilai soalan BITK UA, ahli MBUA, panel New Funding Formula KPT, panel pakar DBKL, Bendahari Eksekutif Yayasan Budiman serta pakar rujuk MPSAS JANM. Pengiktirafan ini membuktikan keupayaan Pengurusan Kanan yang relevan, berimpak tinggi dan strategik. Di peringkat dalaman sebanyak 11 JK telah ditubuhkan sebagai mekanisme sokongan dan penggerak aktiviti, dipimpin oleh Pengurusan Kanan. Antaranya JLPB, JK Integriti dan JK ISO yang berperanan memperkukuh kompetensi staf, tadbir urus beretika dan pematuhan piawaian kualiti antarabangsa.

Bukti 3\_JBend\_K1-Aiii

4. Pemeraksanaan Sumber Manusia-Pengurusan Kanan merangka agenda pemeraksanaan sumber manusia melalui pelaksanaan latihan, bengkel pembangunan profesional serta kursus peningkatan kemahiran dalam pengurusan kewangan. Selain itu, sasaran turut ditetapkan bagi meningkatkan kelayakan profesional staf melalui keahlian badan profesional seperti MIA dan CHRO. Pengurusan Kanan komited memperkasakan modal insan sebagai teras kejayaan kewangan universiti melalui penganjuran sesi Townhall, lawatan ke kampus cawangan serta strategi budaya kerja berprestasi tinggi berasaskan KPI dan sistem pusingan kerja. Penghargaan turut dizahirkan melalui majlis apresiasi dan pengiktirafan profesional staf, sekaligus mencerminkan kepercayaan terhadap kompetensi warga JBend.

Bukti 4\_JBend\_K1-Aiv

5. Pembangunan Bakat-Pengurusan Kanan menekankan pembangunan bakat sebagai teras keberkesanan pengurusan kewangan universiti, dengan memberi fokus kepada melahirkan

pegawai berkeelayakan,berpengetahuan dan cekap. Melalui JLPB, latihan dan aktiviti dirancang secara strategik bagi memperkukuh kompetensi staf. Pengurusan Kanan turut berperanan sebagai pakar rujuk dengan dilantik sebagai moderator dan penceramah dalam perkongsian ilmu di peringkat universiti serta nasional. Sokongan turut diberikan kepada penglibatan staf dalam sukan dan program bakat di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa seperti SUKRIM,Kayuhan Kapsul 25 Tahun UiTM Rentas Cawangan dan Talent Quest UiTM.

Bukti 5\_JBend\_K1-Av

**SENARAI BUKTI:**

1. [B0072\\_K01\\_KB02\\_20251\\_Bukti 1\\_JBend\\_K1-Ai .pdf](#)
2. [B0072\\_K01\\_KB02\\_20252\\_Bukti 2\\_JBend\\_K1-Aii .pdf](#)
3. [B0072\\_K01\\_KB02\\_20253\\_Bukti 3\\_JBend\\_K1-Aiii .pdf](#)
4. [B0072\\_K01\\_KB02\\_20254\\_Bukti 4\\_JBend\\_K1-Aiv .pdf](#)
5. [B0072\\_K01\\_KB02\\_20255\\_Bukti 5\\_JBend\\_K1-Av.pdf](#)

### 1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

1. Melestarikan Kewangan Universiti- Pengurusan Kanan melaksanakan strategi kewangan mampan melalui Bengkel Pelan Kewangan, libat urus bersama KPT, PMAC dan MoF, serta PTJ. Usaha JBend berjaya memperoleh RM122.5juta tambahan Geran Mengurus, di samping memperkukuh kerjasama dengan institusi kewangan bagi mempelbagaikan hasil dan mengoptimumkan aliran tunai. Penstrukturan hasil universiti dilaksanakan dengan pengagihan 10%–20% pendapatan ke TASF dan Akaun Pengurusan. Keupayaan Unit Endowmen diperkukuh melalui pelantikan ahli luar dalam JPATE. JBend turut memastikan ketepatan masa penghantaran laporan kewangan tahunan dan suku tahunan bagi memenuhi keperluan audit dan pemantauan kementerian.

Bukti 1\_ JBend\_K1-Di

2. Pemantapan Tadbir Urus Kewangan- Pengurusan Kanan memantapkan tadbir urus kewangan melalui penggubalan dan penambahbaikan dasar, termasuk penerbitan 30 Pekeliling Bendahari dan 1 Pekeliling Naib Canselor sepanjang 2024. Antaranya ialah Garis Panduan Strategi Bajet UiTM serta Pekeliling Penstrukturan Hasil bagi menyokong kemampuan kewangan. BBU sebagai urusetia JBNPN melaksanakan sistem permohonan bajet digital bagi mengawal sumber kewangan secara cekap dan menghasilkan laporan tepat. Bendahari turut terlibat aktif dalam mesyuarat utama seperti MPKJB, MPKU dan MKSP bagi memperkukuh penyelarasan kewangan. Bagi menjamin integriti operasi, PAD melaksanakan dua sesi audit, manakala task force khas menyemak tadbir urus Akaun Amanah di 3 bahagian dan 11 UKZ.

Bukti 2\_ JBend\_K1-Dii

3. Pengiktirafan Kepakaran- Pengurusan Kanan memperlihatkan kepimpinan berkesan dalam melaksanakan strategi kewangan melalui sokongan kepakaran profesional, termasuk keanggotaan badan diiktiraf seperti MIA, CPA, CIMA, ACCA dan CGMA. Bendahari merupakan ahli CIMA dan CGMA sejak 2021, manakala seorang Pengurusan Kanan memiliki CPA Asean. 41 staf memiliki keahlian MIA serta beberapa staf berkelayakan ACCA, CHRO dan CAT. Kepakaran ini diperkukuh melalui penglibatan aktif dalam jawatankuasa strategik seperti MBUA serta kerjasama nasional termasuk penilai BITK UA, New Funding Formula KPT dan Panel Pakar DBKL. Bendahari turut menjadi pakar rujuk JANM serta panel webinar MPSAS 2024. Di peringkat dalaman, Pengurusan Kanan memimpin 11 jawatankuasa utama bagi memperkukuh tadbir urus.

Bukti 3\_ JBend\_K1-Diii

4. Pemeriksaan Sumber Manusia- Pengurusan Kanan mengintegrasikan latihan berstruktur, komunikasi terbuka dan penilaian prestasi sistematik bagi memperkukuh pengurusan kewangan universiti. Latihan teknikal FINeP, kursus fungsional anjuran JLPB serta penyertaan ke Persidangan MIA meningkatkan kompetensi staf dalam tugas harian. Inisiatif digitalisasi serta pusingan kerja menambah baik sistem sedia ada dan meningkatkan kompetensi staf. Komunikasi berkesan diperkukuh melalui Townhall bersama Bendahari serta lawatan ke kampus cawangan, manakala budaya kerja berprestasi tinggi dilaksanakan melalui penetapan dan pemantauan KPI, serta majlis apresiasi. Kepercayaan pihak luar turut dizahirkan melalui pelantikan staf sebagai penggubal soalan BITK.

Bukti 4\_ JBend\_K1-Div

5. Pembangunan Bakat- Pembangunan bakat dilaksanakan secara berstruktur melalui JLPB. Antara inisiatif yang dijalankan termasuk kursus kewangan oleh Pengurusan Kanan, kursus ICT anjuran bersama Jabatan Digital, serta kursus kepimpinan dan pembangunan bakat oleh Pengarah ARI sebagai penceramah jemputan luar. Kejayaan dalam SASSA pada 09.10.2014 dan SUKRIM pada 06-07.09.2024 memperkukuh semangat berpasukan dan disiplin. Sokongan Pengurusan Kanan juga diterjemahkan melalui penglibatan staf dalam aktiviti sampingan seperti Kayuhan Kapsul 25 Tahun UiTM (20.06.2024) serta penyertaan

Senarai Bujukan dalam Program Rakan Rakan Kesetiaan di Singapura (SPP-RE-100-17)  
Bukti 5\_JBend\_K1-Dv

**SENARAI BUKTI :**

1. [B0072\\_K01\\_KB03\\_20251\\_Bukti 1\\_JBend\\_K1-Di.pdf](#)
2. [B0072\\_K01\\_KB03\\_20252\\_Bukti 2\\_JBend\\_K1-Dii.pdf](#)
3. [B0072\\_K01\\_KB03\\_20253\\_Bukti 3\\_JBend\\_K1-Diii.pdf](#)
4. [B0072\\_K01\\_KB03\\_20254\\_Bukti 4\\_JBend\\_K1-Div.pdf](#)
5. [B0072\\_K01\\_KB03\\_20255\\_Bukti 5\\_JBend\\_K1-Dv.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

#### **Pemantauan Melalui Mesyuarat Berkala**

Bagi memastikan pencapaian bidang tumpuan, Pengurusan Kanan memantau keberkesanan tadbir urus kewangan melalui pelaporan di MPKU pada 28.02.2024 dan 29.07.2024 meliputi prestasi peruntukan dan perbelanjaan serta prosedur kewangan. Ini membolehkan Pengurusan Kanan memantau keadaan kewangan sebenar, menilai kecekapan operasi dan keberkesanan strategi kewangan semasa, mengesan ketirisan atau pembaziran, seterusnya merancang strategi yang bersesuaian. (Bukti 1: JBend\_K1-L-Ci)

MKSP yang dilaksanakan pada 28-29.02.2024, 29.07.2024 dan 01.08.2024 membolehkan Pengurusan Kanan memantau kecekapan operasi kewangan dan menyemak pematuhan prosedur dan dasar melalui laporan Pencapaian Dasar dan Objektif Kualiti serta laporan AMP oleh Pengarah Kewangan BPDK. Laporan dibahas dan dianalisa bagi mengenalpasti kelemahan dan penyelesaian. Pemantauan ke atas pemerksaan sumber manusia dan pembangunan bakat dibuat melalui laporan oleh Pengerusi JLPB. Pencapaian latihan dibentangkan beserta hasil maklumbalas peserta dan penilaian selepas kursus. (Bukti 2: JBend\_K1-L-Cii)

#### **Semak dan Imbang Tadbir Urus Kewangan melalui Pelaksanaan Audit**

Bagi menilai keberkesanan pengurusan kewangan, PAD melaksanakan pengauditan pematuhan standard ISO 9001:2015 pada 22.01.2024-02.02.2024 dan 13.06.2024-28.06.2024. PAD terdiri daripada 53 orang pegawai kewangan terlatih sebagai juruaudit yang telah mengikuti dan lulus Kursus Audit Dalam ISO 9001:2015 anjuran InQKA. Semua bahagian/ UKZ dan JBUiTMC dipastikan untuk diaudit dalam setiap kitaran audit. Laporan penemuan dibentangkan oleh KSA dalam MKSP untuk tindakan susulan. (Bukti 3: JBend\_K1-L-Ciii)

Pengauditan oleh LRQA dilaksanakan sebagai kaedah pemantauan untuk memastikan sistem pengurusan kualiti JBend sentiasa mematuhi piawaian ISO 9001:2015. Pada 2024, Surveillance Audit telah dijalankan pada 18.03.2024 & 21.03.2024 diikuti audit pensijilan semula di antara 05.08.2024 hingga 15.08.2024. Kedua-dua audit memperolehi laporan audit tanpa teguran, membolehkan JBend mengekalkan pensijilan dengan cemerlang. (Bukti 4: JBend\_K1-L-Civ)

Task Force pengauditan tabung amanah telah diadakan pada 26.02.2024-08.03.2024, bagi menyemak tadbir urus secara keseluruhan. Ia dilaksanakan atas arahan NC semasa Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Amanah Pengurusan Universiti ke-3 pada 30.01.2024. Hasil pengauditan dilaporkan di MPKJB Bil. 6/2024 pada 12.08.2024 dan seterusnya di MEU. (Bukti 5: JBend\_K1-L-Cv)

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0072\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20251\\_Bukti\\_1\\_JBend\\_K1-L-Ci.pdf](#)
2. [B0072\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20252\\_Bukti\\_2\\_JBend\\_K1-L-Cii.pdf](#)
3. [B0072\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20253\\_Bukti\\_3\\_JBend\\_K1-L-Ciii.pdf](#)
4. [B0072\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20254\\_Bukti\\_4\\_JBend\\_K1-L-Civ.pdf](#)
5. [B0072\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20255\\_Bukti\\_5\\_JBend\\_K1-L-Cv.pdf](#)

## 1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

### Daftar Risiko

Pengurusan Kanan mengambil pendekatan proaktif menguruskan risiko kewangan secara sistematik melalui Daftar Risiko. Daftar ini merekodkan risiko yang dikenalpasti dengan maklumat terperinci seperti nilai impak, indeks risiko dan tahap risiko. Data ini membantu Pengurusan Kanan dalam pembuatan keputusan dan penambahbaikan berterusan. Daftar risiko dipaparkan di e-Sumber FINEPortal untuk memastikan ketelusan dan akses mudah kepada semua warga JBend. Setiap risiko yang direkodkan, dilengkapi dengan langkah-langkah mitigasi yang diambil bagi mengurangkan impak.  
(Bukti 1: JBend\_K1-L-Ri)

Pada tahun 2024, Pengurusan Kanan telah mengenal pasti 3 risiko baharu yang boleh memberi kesan signifikan kepada pengurusan kewangan. Risiko-risiko ini direkodkan secara rasmi dalam Daftar Risiko setelah dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko Bil 1/2024 pada 31.12.2024. Risiko tersebut merangkumi:

(i) risiko belanjawan, merujuk kepada peruntukan yang tidak mencukupi bagi membiayai perbelanjaan operasi universiti;

(ii) risiko penerimaan, melibatkan keselamatan maklumat peribadi siberhutang;

(iii) risiko pengurusan tabung, melibatkan penggunaan kod tabung yang sama tetapi dengan keterangan yang berbeza antara kampus

(Bukti 2: JBend\_K1-L-Rii).

### Risiko Belanjawan

Bagi mengurangkan risiko ketirisan dalam memastikan kelestarian kewangan jangka panjang, pengurusan kanan menggerakkan inisiatif strategik melalui Pelan Kewangan Universiti. Pelan ini bertujuan menguruskan sumber kewangan secara berhemah dan berkesan, di samping meneroka sumber pembiayaan alternatif dalam meningkatkan pendapatan universiti. Bengkel Pelan Kewangan telah diadakan pada 05.07.10.2024 melibatkan pegawai JBend seluruh Malaysia.

(Bukti 3: JBend\_K1-L-Riii)

Bagi menangani isu kritikal kekurangan bajet perkhidmatan fasiliti pada tahun 2024, Pengurusan Kanan mengeluarkan garis panduan mengandungi strategi menangani ketidakcukupan bajet melalui e-mel dan surat bertarikh 26 Mac 2024. Langkah proaktif ini diambil bagi memastikan operasi universiti tidak terjejas akibat kekangan tunai yang kritikal.

(Bukti 4: JBend\_K1-L-Riv)

### Risiko Pengurusan Tabung

Bagi memantapkan pengurusan dana amanah, Pengurusan Kanan mengadakan perbincangan khas dengan BAA pada 20.02.2024. Hasil perbincangan, BAA telah menggubal prosedur ISO baharu iaitu "Prosedur Pindahan Peruntukan Amanah" dan mengadakan sesi taklimat ringkas pada 30.05.2024 sebagai satu langkah kritikal untuk menyelaraskan proses dan meningkatkan kawalan dalaman. Sebagai langkah tambahan untuk mengukuhkan integriti, ketetapan dibuat di mana hanya Pengarah Kewangan BAA yang diberi kuasa untuk membuka kod tabung, selain dari Unit Sistem BASK.

(Bukti 5: JBend\_K1-L-Rv)

### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0072\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20251\\_Bukti 1\\_JBend\\_K1-L-Ri.pdf](#)
2. [B0072\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20252\\_Bukti 2\\_JBend\\_K1-L-Rii.pdf](#)
3. [B0072\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20253\\_Bukti 3\\_JBend\\_K1-L-Riii .pdf](#)
4. [B0072\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20254\\_Bukti 4\\_JBend\\_K1-L-Riv.pdf](#)
5. [B0072\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20255\\_Bukti 5\\_JBend\\_K1-L-Rv .pdf](#)

### **1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Bendahari selaku ketua PTJ sentiasa menggalakkan budaya penambahbaikan berterusan dalam setiap proses kerja.

#### **MKSP Khas**

Sebagai inisiatif utama, MKSP Khas telah diadakan pada 29.01.2024, 15.03.2024, 16.07.2024 dan 03.10.2024. Mesyuarat ini berfungsi sebagai ruang perbincangan mendalam bersama pegawai JBend untuk meneliti dokumen dasar baharu atau yang ditambahbaik seperti prosedur, pekeliling dan arahan amanah sebelum ia diluluskan. Hasilnya, 5 Pekeliling Bendahari, satu arahan amanah, satu prosedur ISO, dan satu garis panduan baharu telah digubal dan dikeluarkan. (Bukti 1: JBend\_K1-L-Pi)

#### **Cadangan Penambahbaikan Hasil Penemuan Audit Dalam ISO**

Selain itu, maklumbalas daripada PAD turut dimanfaatkan untuk mengenalpasti isu dan merangka tindakan penambahbaikan. Cadangan penambahbaikan seperti pendedahan tentang penyelenggaraan kunci peti besi, latihan pengurusan fail, peringatan penggunaan borang ISO terkini, semakan semua prosedur ISO dan lain-lain dibentangkan dalam MKSP untuk tindakan susulan bagi memastikan isu berulang dapat dielakkan. (Bukti 2: JBend\_K1-L-Pii)

#### **Blueprint Sistem Kewangan JBend 2021-2025**

Seiring dengan perkembangan teknologi, Unit Sistem di bawah BASK telah berjaya melaksanakan penambahbaikan sistem FAIS, FINEP dan FINEPortal. Menerusi Blueprint Sistem Kewangan JBend 2021-2025, pelbagai penambahbaikan sistem telah berjaya dilaksanakan termasuk sistem IBG H2H, proses auto recharging geran komputer, menu Multi-PB Modul Kerja dan Perkhidmatan Fasiliti di FINEP2.0 dan lain-lain. (Bukti 3: JBend\_K1-L-Piii)

#### **Jawatankuasa Kecemerlangan Operasi**

Bagi menggerakkan inisiatif secara sistematik, JK OE JBend ditubuhkan pada tahun 2024 dengan diketuai oleh Pengarah Kewangan BPA. Penglibatan ahli dalam kalangan JBend giat dilakukan dan wakil daripada InQKA dijemput untuk menyampaikan Taklimat Pengenalan dan Perkongsian Amalan Terbaik Kecemerlangan Operasi pada 02.08.2024. (Bukti 4: JBend\_K1-L-Piv)

#### **Perkongsian Amalan Terbaik Oleh Pihak Luar**

Pengurusan Kanan aktif mendapatkan perkongsian amalan terbaik daripada pelbagai pihak untuk membuat perbandingan prestasi semasa serta mengenal pasti ruang penambahbaikan untuk mencapai tahap yang lebih tinggi. Sesi taklimat, libat urus, kursus serta lawatan penandaarasan dibuat seperti "Kursus Penyediaan Spesifikasi Perolehan Bekalan & Perkhidmatan: Perkongsian Amalan Terbaik Oleh SIRIM & JITE-ICT UiTM" sesi lawatan kerja ke MoF pada 22.03.2024. Bukti 5: JBend\_K1-L-Pv).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0072\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20251\\_Bukti\\_1\\_JBend\\_K1-L-Pi.pdf](#)
2. [B0072\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20252\\_Bukti\\_2\\_JBend\\_K1-L-Pii.pdf](#)
3. [B0072\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20253\\_Bukti\\_3\\_JBend\\_K1-L-Piii.pdf](#)
4. [B0072\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20254\\_Bukti\\_4\\_JBend\\_K1-L-Piv.pdf](#)
5. [B0072\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20255\\_Bukti\\_5\\_JBend\\_K1-L-Pv.pdf](#)

## 1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pekeliling Bendahari merupakan antara mekanisme utama yang digunakan oleh JBend bagi membudayakan inisiatif kelestarian kewangan dan memperkukuhkan tadbir urus kewangan dalam kalangan warga universiti. Sepanjang tahun 2024, sebanyak 30 Pekeliling Bendahari telah dikeluarkan, sama ada yang baharu mahupun pindaan kepada pekeliing sedia ada. Pekeliling-pekeliing ini disebarluaskan secara menyeluruh melalui platform e-mel, FINEPortal serta sesi penerangan dan libat urus kepada warga JBend dan pihak berkepentingan di peringkat PTJ. JBend turut bekerjasama dengan Pejabat Naib Canselor dalam pengeluaran Pekeliling Naib Canselor berkaitan Garis Panduan Strategi Bajet UiTM yang digunakan dan dirujuk oleh PTJ bagi menyokong agenda kelestarian kewangan.

(Bukti 1: JBend\_K1-li)

Sebagai usaha memperkukuhkan budaya kelestarian kewangan universiti dalam kalangan semua warga, Pengurusan Kanan secara proaktif menganjurkan taklimat dan webinar untuk meningkatkan pemahaman dan kesedaran kolektif. Antara taklimatnya ialah "Taklimat Pengurusan Bajet & Strategi 2024: Keberkesanan dalam Menghadapi Cabaran Kewangan" yang disampaikan oleh Pengarah Kewangan BBU kepada semua warga JBend. Mesej ini kemudiannya diperluas kepada seluruh warga UiTM melalui "Webinar Pengurusan Kewangan: Kelestarian Kewangan Universiti, Peranan Siapa" yang menarik penyertaan seramai 1,025 peserta dari pelbagai PTJ. Pendekatan komunikasi secara langsung ini membudayakan tanggungjawab bersama dalam kalangan staf untuk menyokong agenda kemampuan kewangan.

(Bukti 2: JBend\_K1-lii)

Pengurusan Kanan telah mengadakan sesi libat urus di enam kampus cawangan sepanjang tahun 2024, menjadi platform untuk menyantuni isu berkaitan peruntukan, keperluan fasiliti, peralatan PdP dan lain-lain. Selain itu, Bengkel Kemampuan Kewangan Pembangunan & Pengurusan Fasiliti yang diadakan pada 09-10.12.2024 bertujuan merangka plan kewangan mampan dengan penekanan penjimatan kos, penggunaan teknologi terkini, serta pengurusan risiko kewangan.

(Bukti 3: JBend\_K1-liii)

Tambahan lagi, JBend menjadi pusat rujukan dalam aspek tadbir urus kewangan apabila menerima lawatan penanda aras oleh beberapa agensi luar seperti PPUM pada 04.07.2024 dan UIAM 26.12.2024. Lawatan ini membolehkan perkongsian amalan terbaik dalam sistem FINEeP dan prosedur pembayaran, yang bukan sahaja memperkukuhkan reputasi universiti malah menggalakkan kerjasama strategik.

(Bukti 4: JBend\_K1-liv)

Pengurusan Kanan amat menghargai sumbangan individu dan pasukan yang cemerlang. Pendekatan ini adalah elemen penting dalam membina budaya kerja yang positif dan kompetitif. Sebagai contoh, penghargaan diberikan kepada staf yang menerima APC, serta unit yang mencapai prestasi cemerlang dalam pembayaran. PTJ yang berjaya mencapai 100% dalam verifikasi aset turut diberi penghargaan atas sokongan dan komitmen mereka terhadap inisiatif JBend.

(Bukti 5: JBend\_K1-lv)

### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0072\\_K01\\_KB05\\_20251\\_Bukti\\_1\\_JBend\\_K1-li.pdf](#)
2. [B0072\\_K01\\_KB05\\_20252\\_Bukti\\_2\\_JBend\\_K1-lii.pdf](#)
3. [B0072\\_K01\\_KB05\\_20253\\_Bukti\\_3\\_JBend\\_K1-liii.pdf](#)
4. [B0072\\_K01\\_KB05\\_20254\\_Bukti\\_4\\_JBend\\_K1\\_liv.pdf](#)
5. [B0072\\_K01\\_KB05\\_20255\\_Bukti\\_5\\_JBend\\_K1-lv.pdf](#)



## **KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK**

### **2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Perancangan strategik merupakan asas utama dalam menentukan hala tuju JBend. Bagi mencapai tujuan tersebut, JBend telah membangunkan PSPB2021-2025 yang komprehensif. Menggunakan pendekatan Deming Cycle yang merangkumi proses PDCA, PSPB2021-2025 memfokuskan kepada 4 proses utama melibatkan proses perancangan (*plan*), pelaksanaan (*do*), pemantauan (*check*) dan penilaian (*act*).

Pada tahun 2024, dengan tema Transformasi ke Arah Kemampanan Kewangan, kepimpinan JBend komited dalam menggerakkan pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang dengan memfokuskan kepada bidang tumpuan pengurusan kewangan.

Perancangan dalam bidang tumpuan pengurusan kewangan diterjemahkan dalam PSPB2021-2025 melalui teras strategik ketiga UiTM2025 iaitu prestasi berasaskan nilai, yang menyasarkan objektif strategik kemampanan kewangan, pemerkasaan kecemerlangan bakat, pelaksanaan tadbir urus tangkas dan kampus pintar. Di bawah 4 strategi ini, sebanyak 22 inisiatif dan 30 KPI telah digariskan dalam dokumen Semakan Semula Pelan Tindakan 2024 bagi mengukur prestasi pencapaian dan memacu hala tuju JBend ke arah kemampanan kewangan.

Bagi memastikan pencapaian objektif strategik yang dirancang, JBend memberi penekanan kepada fasa pelaksanaan yang merupakan fasa kritikal dalam pembangunan PSPB2021-2025.

Di bawah objektif kemampanan kewangan, inisiatif strategik yang telah dilaksanakan termasuk inisiatif pendanaan melalui permohonan peruntukan tambahan, penstrukturan Bahagian Endowmen dan Bahagian Hartanah, kolaborasi kad kredit Affin UiTM, penjana pendapatan dalaman, langkah penjimatan strategik serta pemantapan kutipan hasil.

Di bawah objektif kampus pintar, pendigitalan pengurusan kewangan dipacu melalui peluasan inisiatif kampus tanpa tunai antaranya integrasi FINEStudent dengan KiplePay bagi pembayaran bil pelajar, naik taraf sistem bayaran IBG H2H, integrasi sistem kewangan melalui kerjasama dalaman dan agensi luar antaranya MASMED2U, pembangunan modul kursus digital aset, naik taraf sistem JBNP serta peluasan modul FINEP2.0 dan FINETrust.

Dari aspek kecemerlangan bakat, JBend menekankan kepada pembangunan staf profesional, laluan kerjaya, pelan penggantian serta kursus dan latihan.

Tadbir urus tangkas pula dilaksanakan melalui pemantapan perkhidmatan pelanggan dan pemantapan proses kerja.

Seterusnya, pemantauan pencapaian objektif dan inisiatif kemampanan kewangan dilaporkan secara berkala di peringkat KPT dan universiti melalui pembentangan laporan JPKA di peringkat KPT, pelaporan pencapaian melalui Sistem UePMO UiTM serta laporan prestasi kewangan kepada JPKA dan LPU UiTM. Di peringkat JBend, pemantauan bagi keempat-empat objektif strategik dilaporkan kepada Pengurusan Kanan JBend dalam MPKU serta MKSP. Pemantauan turut dilaksanakan melalui kaji selidik, aduan dan maklum balas pelanggan, laporan audit dan daftar risiko.

Melalui pencapaian objektif strategik yang dilaporkan secara berkala, sasaran KPI dan PI yang digariskan dalam PSPB2021-2025 dikaji semula dan ditambah baik mengikut kesesuaian dan keperluan semasa.

Secara keseluruhan, pelaksanaan PSPB2021–2025 pada tahun 2024 memperlihatkan keberhasilan JBend dalam merancang, melaksana, memantau dan menambah baik strategi secara sistematik. Kejayaan memperoleh peruntukan geran tambahan RM122.5 juta, penjana pendapatan universiti RM604.68 juta serta kejayaan pendigitalan kewangan melalui penambahbaikan dan integrasi sistem kewangan peringkat universiti dan juga agensi luar,

membuktikan daya saing dan kesiapsiagaan JBend dalam menyokong agenda UiTM2025 dan aspirasi negara.

## **2.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Perancangan strategik JBend diterjemahkan melalui dokumen PSPB2021-2025 yang dirangka berdasarkan teras strategik universiti ketiga iaitu Prestasi Berasaskan Nilai. Teras strategik ini memberi penekanan kepada 4 objektif strategik iaitu kecemerlangan bakat, tadbir urus tangkas, kemampanan kewangan dan kampus pintar.

Untuk tahun 2024, selaras dengan tema Transformasi ke Arah Kemampanan Kewangan, kepimpinan JBend komited dalam menggerakkan pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang dengan memfokuskan kepada bidang tumpuan pengurusan kewangan. Bidang tumpuan ini selari dengan objektif strategik kemampanan kewangan serta turut disokong oleh objektif strategik kampus pintar, kecemerlangan bakat dan tadbir urus tangkas.

Berikut adalah objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang dan dilaksanakan dalam tahun 2024 di bawah PSPB2021-2025 (Bukti 1: JBend\_K2-Ai):

### **1. Objektif Kemampanan Kewangan**

- Penjanaan pendapatan dalaman universiti;
- Pengurusan kos berkesan melalui langkah penjimatan strategik; dan
- Pemantapan kutipan hasil.

### **2. Objektif Kampus Pintar**

- Inisiatif kampus tanpa tunai;
- Pengukuhan modul sistem kewangan; dan
- Mewujudkan integrasi antara sistem-sistem utama universiti dan pihak luar

### **3. Objektif Kecemerlangan Bakat**

- Pembangunan kecemerlangan bakat berkemahiran tinggi, berkelayakan dan profesional yang mempunyai personaliti dinamik dan berdaya saing berdasarkan nilai ESI & iDART;
- Peningkatan laluan kerjaya yang seiring dengan pemetaan bakat negara; dan
- Persekitaran kondusif yang menyokong pembangunan kecemerlangan bakat.

### **4. Objektif Tadbir Urus Tangkas**

- Pemantapan perkhidmatan kepada pelanggan; dan
- Pemantapan proses kerja.

JBend juga telah menyediakan dokumen Semakan Semula Pelan Tindakan 2024 yang disemak semula bagi pelaksanaan tahun 2024 yang menggariskan objektif, inisiatif, petunjuk sasaran, sasaran dan tempoh sasaran. Pelan Tindakan ini memainkan peranan penting bagi tujuan pemantauan dan pengukuran prestasi seterusnya memastikan keberhasilan perancangan strategik. Bukti 2: JBend\_K2-Dii.

## **SENARAI BUKTI:**

1. [B0072\\_P01\\_PB02\\_20251\\_Bukti 1 JBend\\_K2-Ai Dokumen dan Kerangka PSPB2021-2025.pdf](#)
2. [B0072\\_P01\\_PB02\\_20252\\_Bukti 2 JBend\\_K2-Aii Semakan Semula Pelan Tindakan 2024.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

## 2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi memastikan pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik JBend sejajar dengan aspirasi universiti dan dasar negara, tindakan strategik dirangka dan dilaksanakan berpandukan PSPB2021-2025 yang dipetakan kepada 9 Teras Strategik UiTM2025, 10 Lonjakan PTPTM2022–2025 dan RMKe-12. Bukti 1: JBend\_K2-Di.

### **Pelaksanaan Objektif Strategik Kemampanan Kewangan (Bukti 2: JBend\_K2-Dii)**

- Permohonan peruntukan tambahan melalui sesi libat urus bersama KPT, MOF dan PMAC;
- Penstrukturan semula Bahagian Endowmen dan Bahagian Hartanah di bawah JBend;
- Kolaborasi kad kredit Affin UiTM dan siri libat urus bersama institusi kewangan;
- Penetapan sasaran KPT 20% penjanaan pendapatan dalaman berbanding perbelanjaan;
- Penetapan sasaran universiti penjanaan pendapatan dalaman RM458 juta melalui strategi Penstrukturan Semula Hasil Dalaman UiTM 2024 yang memfokuskan kepada penubuhan tabung sinking fund penyelenggaraan dan agihan hasil kumpulan wang pengurusan;
- Sasaran penjimatan strategik RM60 juta melalui strategi penjimatan berfokus yang digariskan dalam Garis Panduan Strategi Bajet UiTM 2024;
- Pemantapan kutipan hasil melalui penguatkuasaan sistem CTOS; dan
- Penganjuran bengkel antaranya Bengkel Pelan Kewangan, Bengkel Kemampanan Kewangan, Taklimat Garis Panduan Pelaburan dan Taklimat Pelaburan Dana MRF.

### **Pelaksanaan Objektif Strategik Kampus Pintar (Bukti 3: JBend\_K2-Diii)**

- Naik taraf sistem pembayaran elektronik IBG secara host to host (H2H) dari sistem FAIS ke sistem BIMB;
- Inisiatif kampus tanpa tunai melalui integrasi sistem FINEStudent dan KiplePay bagi pembayaran yuran pelajar atas talian dan peluasan penggunaan kaedah pembayaran tanpa tunai antaranya pembayaran yuran pelajar tajaan PTPTN secara auto debit RHB, sistem FINEPay (FPX, Touch N Go, Boost, Visa, AliPay), kad debit / kad kredit melalui point of sale terminal, mesin ATM/ CDM, pembayaran atas talian (FPX, IBG, JomPAY) serta Aplikasi E-Wallet DuitNow QR;
- Integrasi sistem MASMED2U dengan sistem FAIS, di samping pelbagai inisiatif kerjasama dan integrasi dengan sistem utama Universiti (HR2U, Permata, UAPS, CGU, Ensure) dan agensi luar (Jabatan Audit Negara, Paynet, KWSP);
- Penambahbaikan menu penilaian bekalan dan perkhidmatan serta kerja dan perkhidmatan fasiliti FINEP2.0;
- Naik taraf Sistem JBPNP (Jawatankuasa Bajet Pembangunan dan Naik Taraf Prasarana);
- Penambahbaikan modul FINETrust melalui penjanaan resit rasmi elektronik LHDN;
- Pembangunan modul kursus digital pengurusan aset dengan kerjasama KPK dan iCEPS melalui platform UFUTURE; dan
- Hebahan pembangunan dan penambahbaikan sistem melalui e-mel, laman sesawang, pekeliling, manual pengguna dan taklimat.

### **Pelaksanaan Objektif Strategik Kecemerlangan Bakat (Bukti 4: JBend\_K2-Div)**

- Menggalakkan staf mendapatkan keahlian badan profesional dan melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi;
- Pelan penggantian melalui penggiliran kerja dan tinjauan mobiliti staf;
- Siri jelajah townhall oleh pengurusan kanan;
- Kajian cadangan latihan serta penganjuran kursus dan latihan merentas bidang;
- Penglibatan staf dalam program pembangunan bakat peringkat universiti, nasional dan antarabangsa; dan
- Pengiktirafan dan penghargaan kepada staf serta penganjuran program bersama staf bagi meningkatkan motivasi dan kesejahteraan warga JBend.

### **Pelaksanaan Objektif Tadbir Urus Tangkas (Bukti 2: JBend\_K2-Dv)**

- Penetapan piagam pelanggan dan objektif kualiti;
- Penggunaan pelbagai medium komunikasi seperti e-mel, laman sesawang, media sosial serta sesi townhall bersama pelanggan;
- Hebahan berkenaan tadbir urus kewangan melalui pekeliling dan surat pekeliling;
- Pemantapan proses kerja disokong dengan penambahbaikan prosedur, latihan staf dan peningkatan kompetensi staf; dan
- Inisiatif kampus tanpa tunai serta pembangunan, naik taraf dan integrasi sistem kewangan seperti FAIS, FINEPortal, FINEP2.0, FINEPay, IBG H2H dan bayaran bil pelajar melalui KiplePay.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0072\\_P01\\_PB03\\_20251\\_Bukti 1 JBend\\_K2-Di Pemetaan PSPB2021-2025.pdf](#)
2. [B0072\\_P01\\_PB03\\_20252\\_Bukti 2 JBend\\_K2-Dii Kemampanan Kewangan.pdf](#)
3. [B0072\\_P01\\_PB03\\_20253\\_Bukti 3 JBend\\_K2-Diii Kampus Pintar.pdf](#)
4. [B0072\\_P01\\_PB03\\_20254\\_Bukti 4 JBend\\_K2-Div Tadbir Urus Tangkas.pdf](#)
5. [B0072\\_P01\\_PB03\\_20255\\_Bukti 5 JBend\\_K2-Dv Kecemerlangan Bakat\\_compressed.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik dipantau melalui pelaporan berkala di peringkat KPT, UiTM dan JBend. Pemantauan ini memastikan keberkesanan pelaksanaan strategi serta penambahbaikan berterusan dalam pengurusan kewangan universiti.

#### **Pemantauan di Peringkat KPT**

- Pelaporan Pencapaian Prestasi Kerangka Keberhasilan OBB di bawah outcome kemampuan kewangan setiap suku tahun melalui BTU;
- Penghantaran laporan prestasi bayaran setiap bulan;
- Penghantaran laporan hasil wakaf, endowmen, zakat dan sedekah serta laporan penjualan nombor pendaftaran kenderaan khas setiap suku tahun; dan
- Pelaporan prestasi perbelanjaan, pencapaian KPI penjanaan pendapatan 20%, serta status hasil tertunggak dalam Mesyuarat JPKA setiap suku tahun.

Bukti 1: JBend\_K2-L-Ci.

#### **Pemantauan di Peringkat UiTM**

- Laporan prestasi hasil dan belanja serta laporan hasil tertunggak dibentangkan dalam Mesyuarat JPKA;
- Prestasi hasil dan belanja dibentangkan dalam Mesyuarat LPU;
- Pencapaian bulanan penjanaan pendapatan dipantau melalui sistem UePMO; dan
- Pembentangan pencapaian KPI dan PI universiti dalam Mesyuarat Pelaporan Pencapaian Prestasi Universiti setiap suku tahun oleh Bendahari selaku Pengarah Peneraju Objektif Kemampuan Kewangan.

Bukti 2: JBend\_K2-L-Cii.

#### **Pemantauan di Peringkat JBend**

- Pelaporan objektif strategik dibentangkan dalam MPKU dan MKSP, merangkumi pencapaian objektif kemampuan kewangan (hasil tertunggak, prestasi belanja dan kecukupan sumber kewangan), kampus pintar (pembangunan sistem kewangan dan FINeP2.0), kecemerlangan bakat (pencapaian latihan), serta tadbir urus tangkas (piagam pelanggan, maklum balas pelanggan dan audit dalaman ISO).

Bukti 3: JBend\_K2-L-Ciii.

Melalui pelaporan ini, pengurusan kanan di ketiga-tiga peringkat terlibat secara aktif memberi pandangan, saranan pembedahan serta cadangan penambahbaikan yang komprehensif. Hasilnya, pengurusan kewangan universiti dapat dipertingkatkan agar lebih telus, cekap dan selaras dengan keperluan semasa serta hala tuju strategik.

Selain itu, keberkesanan proses penambahbaikan turut diperkukuh melalui penglibatan kumpulan sasaran seperti staf, pelajar dan pembekal melalui kaji selidik, aduan dan maklum balas pelanggan. Mekanisme ini membantu mengenal pasti kelemahan serta melaksanakan tindakan pembedahan dengan segera. Pengauditan dalaman dan luaran juga dijadikan platform pemantauan tambahan. Bukti 4: JBend\_K2-Civ.

Dari sudut keselamatan, di bawah objektif kampus pintar, sistem kewangan UiTM dipantau oleh

pinak ketiga, dengan perlindungan maklumat dan rekod kewangan dijamin melalui Perjanjian Perkhidmatan Kawalan Keselamatan ICT/MSS antara UiTM dan syarikat pembekal. Bukti 5: JBend\_K2-L-Cv.

**SENARAI BUKTI:**

1. [B0072\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20251\\_Bukti 1 JBend\\_K2-L-Ci Pemantauan Peringkat KPT.pdf](#)
2. [B0072\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20252\\_Bukti 2 JBend\\_K2-L-Cii Pemantauan Peringkat UiTM.pdf](#)
3. [B0072\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20253\\_Bukti 3 JBend\\_K2-L-Ciii Pemantauan Peringkat JBend.pdf](#)
4. [B0072\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20254\\_Bukti 4 JBend\\_K2-L-Civ Penglibatan Kumpulan Sasar dan Audit Dalam.pdf](#)
5. [B0072\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20255\\_Bukti 5 JBend\\_K2-L-Cv Pemantauan Pihak Ketiga.pdf](#)

## 2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Bagi memastikan keberhasilan pelaksanaan perancangan strategik JBend, aspek pengurusan risiko diberi perhatian kerana setiap objektif strategik berdepan cabaran tertentu yang boleh menjejaskan pencapaian.

Berdasarkan pembentangan penyelarasa risiko JBend dalam Mesyuarat MKSP pada 19 dan 20 Februari 2025, Jawatankuasa Pemilik Risiko JBend telah mengenal pasti 94 risiko melibatkan skop utama pengurusan kewangan dalam tahun 2024 yang boleh menjejaskan pelaksanaan objektif dan inisiatif PSPB2021-2025. Bukti 1: JBend\_K2-L-Ri.

Dalam menghadapi risiko-risiko ini, JBend mengamalkan pendekatan pengurusan risiko strategik secara sistematik melibatkan pengenalpastian risiko, penilaian tahap kebarangkalian dan impak, serta pengenalpastian tindakan kawalan yang perlu dibuat bagi memastikan risiko diurus dengan baik dan berkesan.

Risiko utama pelaksanaan objektif strategik kemampanan kewangan adalah kekangan peruntukan geran mengurus daripada kerajaan yang tidak mencukupi untuk membiayai perbelanjaan operasi universiti, kelewatan penyaluran geran serta hasil-hasil yang tidak dapat dikutip. Tindakan kawalan dilaksanakan melalui permohonan peruntukan tambahan, penjana pendapatan dalaman dan langkah penjimatan strategik. Bukti 2: JBend\_K2-L-Rii.

Bagi objektif kampus pintar, risiko kegagalan sistem kewangan dan penyalahgunaan menu boleh menjejaskan inisiatif pendigitalan perkhidmatan kewangan yang menjadi tonggak kepada objektif strategik kampus pintar. Antara tindakan kawalan yang dilaksanakan adalah pemakluman dan hebahan pematuhan polisi penggunaan kata laluan seperti digariskan dalam Polisi Keselamatan Siber UiTM. Bukti 3: JBend\_K2-L-Riii.

Dari aspek tadbir urus tangkas, risiko yang mungkin timbul adalah kelemahan dalam proses kerja antaranya kesilapan atau kelewatan pembayaran gaji, kelewatan pembayaran kepada pembekal, kelewatan perolehan serta kesilapan atau kelewatan dalam penyediaan penyata kewangan. Sebagai tindakan kawalan, JBend melalui BASK telah mewujudkan Buku Kod Akaun UiTM sebagai panduan penggunaan kod akaun. Bukti 4: JBend\_K2-L-Riv.

Manakala bagi objektif kecemerlangan bakat, risiko kekurangan tenaga kerja berkemahiran, tahap kompetensi staf yang tidak seimbang, serta kelewatan penggantian staf yang bersara atau berhenti boleh mengurangkan keberkesanan pelaksanaan inisiatif strategik dan menjejaskan budaya kerja berprestasi tinggi. Bagi menangani risiko ini, JBend melaksanakan pelbagai inisiatif pendigitalan pengurusan kewangan yang menyokong perkhidmatan staf. Bukti 5: JBend\_K2-L-Rv.

Pemantauan ke atas risiko-risiko dalam perancangan strategik JBend dijalankan secara berkala melalui MKSP serta Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko JBend dan Mesyuarat Jawatankuasa Risiko Universiti. Melalui pendekatan ini, JBend dapat mengawal ketidakpastian, meningkatkan kesiapsiagaan, dan memastikan objektif strategik dicapai dengan lebih berkesan dan mampan.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0072\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20251\\_Bukti 1 JBend\\_K2-Ri Laporan Pengurusan Risiko.pdf](#)
2. [B0072\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20252\\_Bukti 2 JBend\\_K2-Rii Daftar Risiko Kemampanan Kewangan.pdf](#)
3. [B0072\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20253\\_Bukti 3 JBend\\_K2-Riii Daftar Risiko Kampus Pintar.pdf](#)
4. [B0072\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20254\\_Bukti 4 JBend\\_K2-Riv Daftar Risiko Tadbir Urus Tangkas.pdf](#)



### 2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pencapaian objektif dan inisiatif strategik tahun 2023 dijadikan penanda aras bagi mengerakkan hala tuju JBend dalam tahun 2024. Melalui dokumen Semakan Semula Pelan Tindakan 2024, sebanyak 22 inisiatif dan 30 KPI telah disasarkan bagi mencapai objektif PSPB2021-2025 yang menyumbang kepada pencapaian KPI 2024 sebanyak 91.58%. Bukti 1: JBend\_K2-L-Pi.

Semakan berterusan PSPB2021-2025 dilaksanakan melalui kajian semula objektif dan inisiatif strategik yang melibatkan proses penambahan, pengguguran dan penambahbaikan pelan tindakan.

Maklum balas pemantauan yang diterima di semua peringkat kumpulan sasar melalui kaji selidik, aduan dan maklum balas pelanggan, laporan audit, daftar risiko, mesyuarat JPKA (peringkat UiTM dan KPT), mesyuarat LPU, MPKU dan MKSP dianalisa untuk tindakan pembedahan dan penambahbaikan jangka panjang.

Agenda cadangan inovasi dan penambahbaikan dalam MKSP juga turut memberi ruang kepada ahli untuk membentangkan cadangan penambahbaikan.

Seterusnya, susulan ke atas status tindakan pembedahan dan penambahbaikan disusul pada sesi MKSP dan MPKU yang akan datang melalui Laporan Senarai Tindakan dan Maklum Balas hingga selesai. Bukti 2: JBend\_K2-L-Pii.

Di bawah objektif kemampuan kewangan contohnya, menyedari aspek kecukupan sumber kewangan semasa yang perlu diberi perhatian, kepimpinan universiti dan JBend telah melaksanakan tindakan proaktif melalui sesi libat urus permohonan peruntukan tambahan pada tahun 2024 bersama KPT, MOF dan PMAC. Hasil usaha ini, UiTM berjaya memperoleh peruntukan tambahan Geran Mengurus berjumlah RM122.5 juta pada Disember 2024. JBend juga telah membuat penambahan pelan tindakan inisiatif pendanaan dalam dokumen Semakan Semula Pelan Tindakan 2024. Bukti 3: JBend\_K2-L-Piii.

Bagi objektif kampus pintar, inisiatif yang tidak menepati tempoh sasaran seperti pembangunan modul FINEBill diteruskan dan dibawa ke tahun 2025. Punca kelewatan juga diteliti bagi memastikan perancangan pembangunan inisiatif pendigitalan masih sesuai. Bukti 4: JBend\_K2-L-Piv.

Dari aspek tadbir urus dan kecemerlangan bakat, semakan semula dijalankan terhadap keberkesanan proses kerja dan inisiatif kecemerlangan bakat melalui pelaporan prestasi dalam MKSP dan MPKU antaranya laporan prestasi bayaran, laporan AMP, laporan pencapaian objektif kualiti dan piagam pelanggan serta laporan pencapaian latihan. Hasil penilaian digunakan untuk penambahbaikan proses kerja, penambahbaikan sistem kewangan, penganjuran latihan-latihan baharu hasil tinjauan perancangan latihan 2025 dan berdasarkan pencapaian latihan 2024, serta peningkatan kecekapan perkhidmatan. Bukti 5: JBend\_K2-L-Pv.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0072\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20251\\_Bukti 1 JBend\\_K2-Pi Pencapaian & KPI 2024.pdf](#)
2. [B0072\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20252\\_Bukti 2 JBend\\_K2-Pii Maklum Balas Penambahbaikan.pdf](#)
3. [B0072\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20253\\_Bukti 3 JBend\\_K2-Piii Penambahan KPI.pdf](#)
4. [B0072\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20254\\_Bukti 4 JBend\\_K2-Piv KPI Dibawa Ke Tahun Hadapan.pdf](#)
5. [B0072\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20255\\_Bukti 5 JBend\\_K2-Pv Tinjauan Latihan 2025.pdf](#)

## 2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Tahap pembudayaan yang terhasil kesan pelaksanaan objektif dan inisiatif PSPB2021-2025 memberi impak positif seperti berikut:

### 1. Peruntukan Tambahan Geran Mengurus RM122.5 Juta, Penjanaan Pendapatan Dalam Universiti RM604.68 Juta dan Pengiktirafan Kecemerlangan Pengurusan Kewangan

Hasil libat urus strategik pengurusan kanan universiti dan JBend bersama KPT, MOF dan PMAC, UiTM berjaya memperoleh peruntukan tambahan Geran Mengurus tahun 2024 sebanyak RM122.5 juta.

Kepimpinan Bendahari sebagai Pengarah Peneraju dan komitmen warga universiti dalam aktiviti penjanaan pendapatan juga dibuktikan melalui jumlah penjanaan pendapatan dalam universiti tahun 2024 yang mencapai RM604.68 juta iaitu melepasi sasaran asal RM458 juta.

Kecekapan dan keberkesanan JBend dalam pengurusan kewangan turut terserlah apabila UiTM mendapat sijil audit bersih daripada Jabatan Audit Negara dan pensijilan ISO 9001:2015 daripada badan pensijilan bertauliah LRQA Malaysia.

Selain itu, pencapaian JBend dalam inisiatif penjanaan pendapatan di peringkat Universiti diiktiraf dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti melalui Sijil Pencapaian Kecemerlangan Prestasi (Pengarah Peneraju) 2024 dan Anugerah Transformasi Digital (Kategori Pengarah Peneraju) 2024.

Bukti 1: JBend\_K2-li.

### 2. Program Jelajah Townhall Pengurusan Kanan JBend

Program jelajah townhall pengurusan kanan di peringkat JBend dan universiti sepanjang tahun 2024 menjadi platform komunikasi terbuka yang menyokong tadbir urus tangkas melalui penyampaian maklumat strategik, penerimaan maklum balas warga dan tindakan penambahbaikan yang responsif.

Bukti 2: JBend\_K2-iii.

### 3. Pendigitalan Berterusan Pengurusan Kewangan

Inovasi pendigitalan pengurusan kewangan terus dipacu melalui peluasan inisiatif kampus tanpa tunai antaranya integrasi FINEStudent dengan KiplePay bagi pembayaran bil pelajar, naik taraf sistem bayaran IBG H2H, integrasi sistem kewangan melalui kerjasama dalam dan agensi luar antaranya MASMED2U, pembangunan modul kursus digital aset, naik taraf sistem JBPNP serta peluasan modul FINEP2.0 dan FINETrust.

Bukti 3: JBend\_K2-iii.

### 4. Pencapaian Inisiatif Kecemerlangan Bakat

Komitmen JBend dalam inisiatif kecemerlangan bakat sepanjang tahun 2024 dibuktikan melalui pencapaian berikut:

- Sumbangan dan penglibatan pengurusan kanan JBend dan staf JBend dalam program dan aktiviti peringkat universiti, nasional dan antarabangsa;
- 47 orang staf mempunyai kelayakan profesional dengan badan profesional yang diiktiraf;
- 35 orang staf mendapat kenaikan pangkat dan 16 orang staf mendapat APC;
- Penyertaan staf JBend dalam 72 kursus dan latihan anjuran pelbagai pihak; dan
- Pelbagai program pengiktirafan dan penghargaan serta program santai bersama staf bagi meningkatkan motivasi dan tahap kegembiraan staf.

Bukti 4: JBend\_K2-liv.

## **5. Penandaarasan Oleh Organisasi Luar**

Kecemerlangan pengurusan kewangan Universiti melalui pendigitalan membolehkan UiTM dijadikan sebagai penanda aras oleh organisasi luar. Dalam tahun 2024, JBend menerima kunjungan daripada PPUM, LGM dan UIAM bagi tujuan perkongsian sistem kewangan, FINeP2.0 dan tatacara pembayaran projek pembangunan.

Bukti 5: JBend\_K2-lv.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0072\\_P01\\_PB05\\_20251\\_Bukti 1 JBend\\_K2-li Kemampanan Kewangan.pdf](#)
2. [B0072\\_P01\\_PB05\\_20252\\_Bukti 2 JBend\\_K2-lii Townhall.pdf](#)
3. [B0072\\_P01\\_PB05\\_20253\\_Bukti 3 JBend\\_K2-liii Pendigitalan Pengurusan Kewangan.pdf](#)
4. [B0072\\_P01\\_PB05\\_20254\\_Bukti 4 JBend\\_K2-liv Kecemerlangan Bakat\\_compressed.pdf](#)
5. [B0072\\_P01\\_PB05\\_20255\\_Bukti 5 JBend\\_K2-lv Penanda Arasan.pdf](#)

## **KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN**

### **3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Dalam memastikan kelestarian kewangan yang cekap dan efisien, JBend sentiasa mengutamakan elemen teknologi serta menyesuaikan perkhidmatan dengan keperluan semasa, selaras dengan arus pembangunan universiti. Aspirasi utama JBend adalah memenuhi keperluan utama pelanggan melalui penilaian berterusan terhadap keberkesanan pelaksanaan rancangan yang digariskan dalam PSPB 2021-2025, Objektif Kualiti dan Piagam Pelanggan JBend.

Bagi meningkatkan kepuasan pelanggan, JBend mengaplikasikan model PDCA yang berteraskan tumpuan pelanggan. Pendekatan ini memastikan inisiatif strategik pengurusan kewangan selaras dengan Objektif dan Piagam Pelanggan serta PSPB 2021-2025.

Seiring perkembangan pesat teknologi dan inovasi, transformasi kewangan terus dipacu bagi meningkatkan kualiti penyampaian dan kepuasan pelanggan secara menyeluruh. Agenda kepuasan pelanggan dirangka berasaskan amalan terbaik perkhidmatan yang berpaksikan nilai Kecemerlangan, Integriti dan Sinergi (ESI-iDART). Tahap kepuasan pelanggan diukur melalui pelbagai indikator seperti ketepatan masa, kepantasan maklum balas, keberkesanan penyelesaian masalah, kecekapan pelaksanaan perkhidmatan, serta komunikasi dan tindakan susulan yang proaktif.

Setiap perancangan penambahbaikan pengurusan kewangan terhadap pelanggan dipetakan kepada 9 aktiviti teras dan 12 fungsi utama dalam PSPB 2021-2025. Penglibatan menyeluruh warga JBend menjadi tonggak kepada pembudayaan inovasi dan penambahbaikan dalam penyampaian pengurusan kewangan.

Dalam meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan, JBend memberi penekanan kepada keperluan dan ekspektasi kumpulan sasaran utama, iaitu Jawatankuasa Tetap Universiti, Pelanggan Misi, Proses Dalaman dan Badan Pemantau. Penyesuaian strategi secara menyeluruh dilaksanakan bagi memastikan sistem kewangan yang tangkas, berorientasikan perkhidmatan dan selaras dengan objektif tadbir urus yang berkesan.

Maklum balas pemegang taruh amat penting kerana menggambarkan kehendak dan harapan mereka. JBend sentiasa melibatkan pelanggan melalui komunikasi dua hala seperti sesi libat urus, mesyuarat bersama PTj/ pemilik proses, taklimat dan bengkel, di mana maklum balas yang diterima dijadikan input penting pelaksanaan inisiatif kelestarian pengurusan kewangan. Selain itu, maklum balas juga diperolehi melalui saluran komunikasi rasmi seperti media sosial, emel, laman web, kaji selidik dan e-aduan.

JBend sentiasa memantau keberkesanan pelaksanaan inisiatif bagi memastikan faedah yang diterima pelanggan adalah optimum. Sistem yang dibangunkan bertujuan memudahkan pengurusan kewangan untuk meningkatkan produktiviti dan tahap kepuasan pelanggan secara menyeluruh.

Jawatankuasa Pemilik Risiko diperkasakan untuk mengenal pasti dan menilai risiko JBend. Daftar risiko sentiasa dikemaskini bagi memastikan penambahbaikan ke atas proses dibuat seperti taklimat SPRM dan MyCC, khidmat CTOS, modul kerja/ perkhidmatan FINEP2.0, e-Verifikasi harta, dan proses pembayaran secara IBG-H2H dilaksanakan untuk mengatasi risiko dengan lebih efektif.

Hasil analisis AMP dibentangkan di MKSP untuk tindakan pembetulan dan penambahbaikan. Inovasi dibangunkan seperti Auto Jurnal FINEPay, Modul DCR- LHDN, Self-declaration Penaja Pelajar, Dashboard CPS, FINEPay Pelajar, eKadar@PBEND, ePengeluaran KWSP serta MASMED2U memainkan peranan penting dalam melancarkan proses dan meningkatkan kepuasan pelanggan. Kolaborasi dengan pihak luar seperti Payment Network Sdn. Bhd., Kiplepay Sdn. Bhd., Isianpadu System Sdn. Bhd dan ASK Pentest serta institusi kewangan

seperti AMIN Bank Bernag, Bank Islam Bernag, MBSB dan Bank Rakyat telah memperkukuh usaha JBend memperkasa kelestarian kewangan melalui pelaksanaan transaksi tanpa tunai.

Selama 23 tahun berturut-turut, JBend berjaya memperoleh pensijilan audit bersih, sekali gus membuktikan keutuhan tadbir urus kewangan universiti. Pencapaian ini bukan sahaja memenuhi keperluan pelanggan, malah menjadi pemacu utama dalam merealisasikan visi UiTM menjadi Globally Renowned, Locally Rooted University.

### 3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

JBend sentiasa meningkatkan kualiti perkhidmatan dengan menjadikan keperluan dan kehendak pelanggan serta pemegang taruh sebagai keutamaan. JBend mengenal pasti kumpulan sasaran mengikut fungsi dan jenis perkhidmatan serta kehendak iaitu (i) Jawatankuasa Tetap Universiti, (ii) Pelanggan Misi, (iii) Pelanggan Proses, (iv) Pelanggan Dalaman dan (v) Badan Pemantau (Bukti 1: JBend\_K3-Ai).

Kumpulan sasaran atau pelanggan bagi Jawatankuasa Tetap Universiti ialah LPU, JTK, JPKA, Jawatankuasa Pelaburan, MEU, NRC dan MAU. Manakala Pelanggan Misi terdiri daripada KPT, MoF, ibu bapa, pelajar, alumni, institusi kewangan, syarikat korporat dan agensi seperti LHDN, PERKESO dan KWSP.

Pelanggan Proses pula terdiri dari staf, PTj, pembekal dan pelajar, manakala pelanggan dalaman ialah staf JBend. Selain itu, pelanggan kategori Badan Pemantau adalah JANM, BAD UiTM, dan LRQA.

Perancangan yang berteraskan pendekatan sistematik mengambil kira elemen inovasi dan perkongsian pengetahuan dilaksanakan bagi mengenal pasti kumpulan sasaran serta memahami jangkaan keperluan mereka terhadap perkhidmatan kewangan UiTM.

Piagam Pelanggan JBend sentiasa dikemaskini dan ditambah baik dalam memastikan komitmen tinggi kepada perkhidmatan berkualiti (Bukti 2: JBend\_K3-Aii). Sebagai contoh, penyasaran pengeluaran 90% pesanan tempatan (LO) dalam tempoh 5 hari bekerja dan menjelaskan 80% pembayaran dalam 7 hari dari tarikh terima dokumen lengkap menjadi bukti jaminan pengurusan kewangan yang responsif kepada kehendak pelanggan.

Tumpuan kepada pelanggan menjadi aspek penting JBend di mana agenda Objektif Kualiti dan Piagam Pelanggan dibentangkan di MKSP dalam agenda 3 dan 5. Selain itu, status pelaksanaan inisiatif strategik penambahbaikan dilaporkan di MPKU di bawah agenda BASK (Bukti 3: JBend\_K3-Aiii). Hasil maklumat AMP dan cadangan penambahbaikan dijadikan asas kepada pembentukan PSPB 2021-2025.

Hala tuju dan inisiatif pengurusan kewangan holistik JBend yang dizahirkan dalam PSPB 2021 - 2025 merangkumi pelaksanaan 4 Tema Strategik iaitu Kecemerlangan Bakat, Tadbir Urus Tangkas, Kampus Pintar dan Kemampunan Kewangan (Bukti 4: JBend\_K3-Aiv).

Tema Strategik Kecemerlangan Bakat memberi tumpuan kepada pelanggan dalaman (staf) melalui pembangunan persekitaran kerja yang mesra dan inklusif bagi memperkukuh hubungan sinergi antara pengurusan JBend dan staf, di samping mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif dan selamat. Di bawah Tema Strategik Tadbir Urus Tangkas, beberapa strategi telah dilaksanakan termasuk pemantapan perkhidmatan pelanggan serta penambahbaikan proses kerja bagi memperkukuh tadbir urus yang lebih berkualiti dan mampan seterusnya menyokong keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di universiti.

PSPB 2021-2025 juga dibangunkan untuk meningkatkan kualiti pengurusan kewangan berteraskan teknologi selaras dengan hala tuju UiTM dalam memacu agenda pendigitalan universiti ke arah pencapaian GRU2025. Sejalan dengan itu, JBend telah melaksanakan pelbagai strategi dan inisiatif kemampunan kewangan melalui pendekatan Jana dan Jimat, termasuk penstrukturan semula hasil dan perbelanjaan universiti (Bukti 5: JBend\_K3-Av).

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0072\\_T01\\_TB02\\_20251\\_Bukti\\_1\\_JBend\\_K3-Ai\\_Jenis Pelanggan JBend.pdf](#)
2. [B0072\\_T01\\_TB02\\_20252\\_Bukti\\_2\\_JBend\\_K3-Aii Piagam Pelanggan JBend.pdf](#)
3. [B0072\\_T01\\_TB02\\_20253\\_Bukti\\_3\\_JBend\\_K3-Aiii Agenda dan Minit Mesyuarat MKSP & MPKU.pdf](#)

[B0072\\_T01\\_TB02\\_20255\\_Bukti 5\\_JBend\\_K3-Av Perancangan Strategi Bisnis 2021-2025.pdf](#)

5. [B0072\\_T01\\_TB02\\_20255\\_Bukti 5\\_JBend\\_K3-Av Strategi Hasil & Bajet.pdf](#)

### **3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Data pelanggan utama JBend dikenal pasti, dikumpul dan disimpan melalui proses integrasi kepada FAIS melalui sumber digital seperti STARS/ HR2U (staf) dan SIMS (pelajar) (Bukti 1: JBend\_K3-Di). Bagi kategori pembekal, data diperoleh daripada sistem FINEP2.0 (Bukti 1: JBend\_K3-Di). Data bagi kategori pelanggan lain seperti jawatankuasa tetap dan badan pemantau dikenal pasti berdasarkan keperluan usahasama, pelaporan/ pemantauan dan disimpan oleh bahagian yang bertanggungjawab, contohnya BBU (data MoF dan KPT) bagi tujuan permohonan dan pelaporan bajet UiTM; manakala BKPE (data PTPTN, MARA, KWSP) bagi urusan tajaan pelajar serta data endowmen Universiti.

Data pelanggan disimpan secara elektronik di server JBend dengan akses terhad dan terkawal bagi menjamin keselamatan dan integriti maklumat. Sebagai langkah pencegahan, data turut disandarkan di 2 lokasi berbeza iaitu Data Centre dan Disaster Recovery Plan (DRP) (Bukti 2: JBend\_K3-Dii). Semua aplikasi dan server dipantau oleh unit teknikal JBend bersama syarikat dilantik (ASK Pentest) bagi menghalang sebarang ancaman atau pencerobohan siber.

JBend telah mewujudkan pelbagai saluran komunikasi sebagai medium maklum balas pelanggan (Bukti 3: JBend\_K3-Diii). Setiap AMP yang diterima, diambil perhatian secara sistematik dan diberikan maklum balas dalam tempoh 7 hari. AMP yang diterima turut dijadikan asas kepada cadangan penambahbaikan yang diuruskan mengikut keputusan mesyuarat pengurusan.

Di samping itu, kajian kepuasan pelanggan turut dilaksanakan bagi menilai tahap penerimaan terhadap perkhidmatan yang ditawarkan (Bukti 4: JBend\_K3-Div). Dapatan kajian dianalisis secara menyeluruh dan dibentangkan kepada pengurusan JBend melalui MKSP untuk mendapatkan kelulusan tindakan penambahbaikan.

#### **Penglibatan Kumpulan Sasar Dalam Bidang Tumpuan**

Bagi memastikan pengurusan kewangan yang cekap, pantas dan tepat kepada kumpulan sasaran, JBend melalui PSPB2021-2025 telah menyediakan perkhidmatan yang berpandukan kepada fungsi utama pengurusan kewangan.

Kaedah penglibatan pelanggan dilaksanakan secara berbeza mengikut kumpulan sasaran dan program yang dirancang. Sebagai contoh, taklimat dan latihan berkaitan penggunaan FINEP2.0 serta taklimat verifikasi aset telah diadakan bagi meningkatkan kefahaman pelanggan. Program kolaboratif bersama ILD dan PTj turut dilaksanakan bagi tujuan yang sama (Bukti 5: JBend\_K3-Dv).

Program Kampus Tanpa Tunai yang dilaksanakan oleh JBend mengambil kira keperluan serta akses kepada kemudahan cashless yang bersesuaian dengan persekitaran universiti. Inisiatif berterusan bersama pelanggan ini membuktikan komitmen JBend dalam memperluas kepelbagaian platform pembayaran elektronik yang membenarkan transaksi dilakukan melalui peranti pintar (e-wallet dan kod QR) serta kad debit/ kad kredit sama ada melalui terminal POS atau dalam talian. Platform FINEPay telah dibangunkan dengan pencapaian signifikan kerana memudahkan urusan pembayaran pelanggan serta menjadikan proses pengenalan maklumat bayaran lebih cekap dan tepat secara automatik. Ini secara langsung meningkatkan pengalaman pengguna dalam ekosistem kewangan digital UiTM.

JBend turut melaksanakan inisiatif kelestarian pengurusan kewangan bagi memenuhi keperluan pelaporan kepada jawatankuasa serta pemegang taruh. Sebagai contoh, pembangunan menu laporan bajet dan verifikasi aset menjadi pemangkin penting kepada pengurusan tertinggi Universiti dalam mendapatkan maklumat dengan pantas, tepat dan telus bagi menyokong pembuatan keputusan strategik.

Program pemantapan pengurusan kewangan kepada kumpulan sasaran pula dilaksanakan melalui anjuran bersama PTj seperti ILD dan iCEPS. Inisiatif ini bukan sahaja memperluas penyampaian perkhidmatan kewangan, malah turut memperkukuh keyakinan pemegang taruh terhadap ekosistem kewangan universiti. Antara program yang dianjurkan adalah seperti yang dinyatakan dalam (Bukti 5: JBend\_K3-Dv).

**SENARAI BUKTI :**

1. [B0072\\_T01\\_TB03\\_20251\\_Bukti\\_1\\_JBend K3.Di.pdf](#)
2. [B0072\\_T01\\_TB03\\_20252\\_Bukti\\_2\\_JBend K3.Dii.pdf](#)
3. [B0072\\_T01\\_TB03\\_20253\\_Bukti\\_3\\_JBend K3-Diii.pdf](#)
4. [B0072\\_T01\\_TB03\\_20254\\_Bukti\\_4\\_JBend K3.Div.pdf](#)
5. [B0072\\_T01\\_TB03\\_20255\\_Bukti\\_5\\_JBend K3.Dv.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

JBend terus mengorak langkah proaktif melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif baharu dan penambahbaikan sistem bagi meningkatkan nilai tambah dalam penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

Sistem FINEPay memudahkan pelanggan membuat pembayaran bagi kursus, seminar, bengkel dan sumbangan secara lebih pantas, selamat dan fleksibel pada bila-bila masa. Bagi PTj, aktiviti penjaan pendapatan dapat ditingkatkan apabila pemantauan jumlah terimaan dibuat secara real time. Penambahbaikan berterusan melalui proses auto jurnal pula mengurangkan risiko kesilapan dalam rekod manual oleh. Proses semakan silang transaksi dapat dilaksanakan dengan lebih cekap melalui menu Pertanyaan JT atau Laporan JT Finepay yang dapat menjamin ketepatan dan kesahihan data transaksi (Bukti 1:JBend \_K3-L-Ci).

Modul terimaan (DCR) dalam sistem FAIS terus ditambah baik bagi merekodkan derma/ sumbangan pelanggan. Selaras dengan ketetapan LHDN, kelayakan pengecualian cukai di bawah Subseksyen 44(6) ACP1967 diberikan ke atas sumbangan melalui FINEPay. Ini bukan sahaja menggalakkan PTj memperluas sumber hasil melalui sumbangan, malah membantu penyumbang mematuhi peraturan percukaian dengan mudah dan telus. (Bukti 2: JBend \_K3-L-Cii)

FINEP2.0 pula merevolusikan pengurusan perolehan UiTM secara elektronik dengan lebih efisien, telus dan berintegriti. Penambahbaikan modul kerja dan perkhidmatan serta perluasan fungsi, skop dan kategori perolehan telah meningkatkan capaian pengguna, pematuhan dasar, jaminan integriti maklumat, penjimatan sumber dan kemudahan akses pengguna. Ini menjadi bukti kepada transformasi pengurusan kewangan UiTM secara menyeluruh. (Bukti 3: JBend \_K3-L-Ciii)

Pembangunan modul IBG-H2H dalam sistem FAIS pula memperkukuh inovasi proses pembayaran melalui penghantaran data bayaran kepada bank secara terus daripada sistem UiTM. Penambahbaikan ini telah berjaya meningkatkan produktiviti dan kecekapan staf serta mempercepatkan tempoh bayaran kepada pelanggan. Proses pembayaran yang sebelum ini melalui 5 langkah di FINEPortal kini dipermudah kepada 2 langkah di FAIS. Keberhasilan ini secara langsung meningkatkan tahap kepuasan pelanggan. (Bukti 4: JBend \_K3-L-Civ)

Selain itu, Modul e-Verifikasi Aset dalam FINEPortal telah meningkatkan kecekapan pengurusan aset apabila custodian dapat melaksanakan proses verifikasi secara dalam talian dengan lebih cepat dan mudah. Inisiatif ini telah berjaya mengurangkan risiko harta tidak dikenal pasti, mengurangkan mobiliti staf dan mempercepatkan pelaporan kepada KPT dan MoF. (Bukti 5: JBend \_K3-L-Cv)

### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0072\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20251\\_Bukti 1\\_JBend\\_K3-L-Ci.pdf](#)
2. [B0072\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20252\\_Bukti 2\\_JBend\\_K3-L-Cii.pdf](#)
3. [B0072\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20253\\_Bukti 3\\_JBend\\_K3-L-Ciii .pdf](#)
4. [B0072\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20254\\_Bukti 4\\_JBend\\_K3-L-Civ.pdf](#)
5. [B0072\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20255\\_Bukti 5\\_JBend\\_K3-L-Cv .pdf](#)

### 3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko yang dikenal pasti melalui AMP dan penemuan audit dikemas kini di Daftar Risiko JBend. (Bukti1: JBend\_K3-L-Ri). Risiko utama yang menjejaskan pelaksanaan kejayaan pencapaian maklum balas pelanggan dan kemampuan kewangan UiTM adalah:

#### 1. Risiko Kewangan

Kekangan sumber peruntukan kewangan menjejaskan operasi dan penyampaian perkhidmatan UiTM seperti perolehan berkaitan PdP serta penyelenggaraan bangunan dan peralatan. Ini menyebabkan sasaran PTj tidak tercapai dan merisikokan keselamatan, keselesaan pelanggan serta kualiti PdP.

JBend melalui Pekeliling Naib Canselor telah mengeluarkan Garis Panduan Strategi Bajet UiTM 2024 untuk mengawal perbelanjaan serta menyampaikan taklimat pengurusan bajet kepada pelanggan. Sumber peruntukan dalaman pula ditingkatkan dengan inisiatif TASF dan endowmen. (Bukti 1: JBend\_K3-L-Ri)

#### 2. Risiko Operasi

Pengurusan bayaran, perolehan dan aset diurus secara dalam talian melalui sistem FINEPay, FINEP dan FINEAsset bagi memastikan integriti dan kecekapan penyampaian serta mengurangkan risiko operasi.

Risiko persaingan atau kartel di kalangan pembekal menyebabkan harga bidaan tender jauh lebih tinggi daripada harga pasaran. Risiko ini diatasi melalui penggunaan sistem FINEP dan pendedahan kepada pembekal melalui inisiatif taklimat "Integriti & Akauntabiliti" dari kerjasama strategik JBend dengan SPRM dan MyCC pada 14 Ogos 2024. (Bukti 2: JBend\_K3-L-Rii).

Ketidakteraturan spesifikasi akibat perubahan teknologi dan keperluan pembelajaran pula ditangani melalui kursus penyediaan spesifikasi bersama SIRIM dan JITE-ICT serta perolehan hijau bersama MGTC. (Bukti 3:JBend\_K3-L-Riii)

Risiko hutang tertunggak dan kelewatan perekodan hasil diminimumkan dengan penggunaan FINEPay yang memudahkan pelanggan membuat bayaran, menyemak status dan maklumat bayaran kepada UiTM serta menjana resit tanpa perlu ke kaunter. Fungsi auto-jurnal mempercepat perekodan data, menjimatkan masa dan mengurangkan proses kerja staf. Pelantikan syarikat CTOS juga telah menambah baik pengurusan hutang tertunggak universiti (Bukti 4:JBend\_K3-L-Riv).

#### 3. Risiko Strategik

Perubahan dasar penyaluran geran daripada MoF mengikut prestasi perbelanjaan Universiti mewujudkan kenaikan sekatan peruntukan dan risiko kelewatan bayaran kepada pelanggan. Oleh itu, sesi libat urus strategik bersama MoF dan KPT dilakukan bagi keperluan peruntukan tambahan. (Bukti 5:JBend\_K3-L-Rv). Sesi semakan prestasi perbelanjaan melalui libat urus dengan PTj pula telah diadakan bagi memastikan perbelanjaan dibuat dengan cekap. Selain itu, pelbagai alternatif penjana pendapatan turut dibuat bersama pelbagai pihak termasuk KPT dan syarikat konsesi PFI. (Bukti 5:JBend\_K3-L-Rv)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0072\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20251\\_Bukti\\_1\\_JBend\\_K3-L-Ri.pdf](#)
2. [B0072\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20252\\_Bukti\\_2\\_JBend\\_K3-L-Rii.pdf](#)
3. [B0072\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20253\\_Bukti\\_3\\_JBend\\_K3-L-Riii.pdf](#)
4. [B0072\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20254\\_Bukti\\_4\\_JBend\\_K3-L-Riv.pdf](#)



### 3.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan Kanan komited dalam memastikan penilaian tadbir urus dibuat secara menyeluruh dan berterusan untuk memenuhi kehendak dan kepuasan hati pelanggan.

Data dan prestasi diurus melalui pengumpulan data, analisis, pelaporan dan tindakan. AMP pelanggan diperolehi melalui penyediaan pautan bersepadu AMP dan Kepuasan Hati Pelanggan di laman sesawang JBend, menerusi pemakluman di Sistem UNITS, panggilan telefon terus ke pegawai, secara emel atau melalui laman sosial (facebook, telegram dan lain-lain) (Bukti 1: JBend \_K3-L-Pi).

Laporan dan analisis AMP dibentangkan kepada Pengurusan Kanan JBend dalam MKSP dan MPKU dan cadangan dibincangkan untuk tindakan pembetulan dan penambahbaikan jangka panjang. Setiap aduan yang diterima melalui emel diberi maklum balas serta merta setelah penyelesaian dicapai. Aduan melalui talian telefon juga dilayan sebaik mungkin. Bagi aduan yang memerlukan tempoh siasatan yang panjang, pengadu akan dihubungi semula untuk dimaklumkan mengenai keputusan yang telah dicapai. Segala tindakan pembetulan dan penambahbaikan diteruskan di peringkat strategik JBend melalui perbincangan di MPKJB demi kelestarian pengurusan kewangan yang dinamik. (Bukti 2: JBend \_K3-L-Pii)

Komitmen berterusan Pengurusan Kanan dizahirkan melalui pemurnian daftar risiko serta pelaksanaan penambahbaikan secara strategik dan berterusan. Pada 2024, 3 risiko baharu telah ditambah sebagai langkah proaktif untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Penilaian risiko ini dilaksanakan secara berterusan oleh pengurusan JBend. Selain itu, komitmen berterusan melalui sistem juga sentiasa diperkukuh bagi memastikan perkhidmatan kewangan kekal berfokus kepada kehendak pelanggan melalui pelbagai siri perbincangan dan kerjasama strategik dengan pihak Jabatan Digital (Bukti 3: JBend \_K3-L-Piii).

Inisiatif kolaboratif strategik JBend seperti penganjuran program kesedaran bersama MyCC dan SPRM mengenai bahaya bagi bidaan perolehan secara kartel telah memberi input penting dalam memastikan integriti dan ketelusan perolehan. Taklimat strategik dengan kerjasama SIRIM, JITE-ICT, dan pengguna PTj juga bagi memperkukuh komitmen dan integriti proses kewangan dijamin. Kawalan ke atas proses perolehan terus diperkasa melalui pelaksanaan sistem perolehan secara digital oleh PTj melalui FINeP (Bukti 4: JBend \_K3-L-Piv).

Pengurusan Kanan sentiasa komited meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan melalui pendekatan PDCA sebagai asas kepada inisiatif yang dibangunkan. Pemantauan berterusan dilaksanakan melalui mesyuarat berkala, MKSP, auditan ISO tahunan JBend, pemantauan perakaunan interim dan JPKA merangkumi keseluruhan proses bagi memastikan perkhidmatan terbaik diberikan. (Bukti 5: JBend \_K3-L-Pv)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0072\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20251\\_Bukti\\_1\\_JBend\\_K3-L-Pi.pdf](#)
2. [B0072\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20252\\_Bukti\\_2\\_JBend\\_K3-L-Pii\\_.pdf](#)
3. [B0072\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20253\\_Bukti\\_3\\_JBend\\_K3-L-Piii.pdf](#)
4. [B0072\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20254\\_Bukti\\_4\\_JBend\\_K3-L-Piv.pdf](#)
5. [B0072\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20255\\_Bukti\\_5\\_JBend\\_K3-L-Pv.pdf](#)

### 3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Melalui analisis AMP, JBend mengenal pasti ruang penambahbaikan agar dapat melangkaui jangkaan pelanggan. Inovasi pembayaran baharu diperkenalkan mengintegrasikan platform KiplePay untuk pembayaran bil pelajar mulai Oktober 2024 memberikan fleksibiliti kepada pelajar membuat bayaran melalui FPX serta menjadi alternatif apabila berlaku gangguan teknikal pada waktu puncak. Pembangunan Portal KipleReport turut meningkatkan kecekapan semakan silang transaksi, memastikan bayaran dipantau secara tepat dan pantas (Bukti 1: JBend\_K3-li).

Kejayaan perluasan modul IBG-H2H ke seluruh sistem UiTM pada 2024 menandakan pencapaian signifikan JBend dalam transformasi proses pembayaran yang lebih efisien. Proses penghantaran data ke bank yang dahulu melibatkan 5 langkah di FINEPortal kini dipermudah kepada hanya 2 langkah di FAIS. Penambahbaikan ini bukan sahaja meningkatkan produktiviti pelanggan dalaman JBend, malah menjimatkan masa, mempercepat proses kerja serta memperkukuh nilai tambah dan tadbir urus kewangan (Bukti 2: JBend\_K3-lii).

Pelancaran eKadar@PBEND di FINEPortal mulai Februari 2024 merupakan pencapaian JBend dalam menyediakan medium rujukan kewangan komprehensif hasil daripada maklum balas pelanggan. Melalui platform ini, warga boleh mengakses kadar semasa, pekeliling, punca kuasa, garis panduan dan peraturan kewangan yang berkuatkuasa secara terus untuk pelaksanaan tugas yang lebih efisien dan berkualiti. (Bukti 3: JBend\_K3-liii).

Mulai 2024 juga, maklumat Kos Per Pelajar (CPS) tidak lagi terhad untuk pelaporan KPT. Kerjasama JBend dan Accounting Research Institute (ARI) membangunkan Dashboard CPS berjaya diintegrasikan ke dalam surat tawaran pelajar oleh Bahagian Pengambilan Pelajar. Ini membolehkan pelajar melihat perbandingan yuran sebenar dan kadar subsidi dengan telus, justeru memperkukuh imej UiTM dan menambah nilai dalam pembuatan keputusan Universiti (Bukti 4: JBend\_K3-liv).

Kolaborasi strategik JBend yang direalisasikan melalui pelancaran Kad Kredit AFFIN-UiTM telah memberikan kemudahan kewangan dengan pelbagai ganjaran eksklusif kepada warga UiTM serta menyumbang kepada pembangunan pendidikan melalui pulangan royalti dan insentif universiti (Bukti 5: JBend\_K3-lv). Inisiatif lain termasuk integrasi sistem FAIS-MASMED2U bagi pembayaran pinjaman Tabung Keusahawanan Siswa (TKS) (Bukti 5: JBend\_K3-lv) kepada pelajar yang menerima bantuan perniagaan, serta kejayaan JBend sebagai UA perintis proses integrasi penuh sistem FAIS-KWSP bagi ePengeluaran Pendidikan KWSP yang menjadi penanda aras kepada organisasi lain seperti UMT (Bukti 5: JBend\_K3-lv).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0072\\_T01\\_TB05\\_20251\\_Bukti\\_1\\_JBend\\_K3-li\\_.pdf](#)
2. [B0072\\_T01\\_TB05\\_20252\\_Bukti\\_2\\_JBend\\_K3-lii.pdf](#)
3. [B0072\\_T01\\_TB05\\_20253\\_Bukti\\_3\\_JBend\\_K3-liii.pdf](#)
4. [B0072\\_T01\\_TB05\\_20254\\_Bukti\\_4\\_JBend\\_K3-liv.pdf](#)
5. [B0072\\_T01\\_TB05\\_20255\\_Bukti\\_5\\_PBend\\_K3-lv.pdf](#)

## **KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN**

### **4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Proses mengukur, menganalisa dan menguruskan pengetahuan adalah kaedah untuk mengetahui status pencapaian prestasi dalam penyampaian perkhidmatan kewangan kepada pelanggan. Pengukuran dan analisis data secara berstruktur telah terbukti membantu Pengurusan Kanan membuat keputusan strategik selaras dengan pencapaian matlamat GRU2025 dan PSPB2021-2025.

JBend telah menggunakan model PDCA dalam proses pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan secara sistematik bagi menghasilkan maklumat yang tepat, boleh dipercayai dan relevan.

Perancangan (PLAN) bermula dengan penetapan penunjuk ukuran prestasi (KPI) yang bersumberkan Objektif JBend, Objektif Kualiti JBend, Piagam Pelanggan dan PSPB2021-2025. Penetapan PI dan KPI yang tepat adalah penting bagi memastikan analisis yang terhasil menggambarkan prestasi sebenar pencapaian JBend.

Pelaksanaan (DO) dalam pengukuran dan analisis melibatkan proses pengumpulan data mengikut tempoh tertentu dan proses perbandingan di antara pencapaian sebenar berbanding sasaran. Pengumpulan data diperolehi secara elektronik dan bukan elektronik dari AMP, penjana laporan melalui FAIS dan FINEPortal, dashboard FINEPay, pemerhatian, maklum balas secara lisan serta penemuan audit. Laporan yang dihasilkan daripada data yang dikumpul akan dibuat perbandingan dengan sasaran yang telah ditetapkan.

Pengukuran atau penilaian prestasi di antara pencapaian sebenar berbanding sasaran merupakan proses analisis data yang dilaksanakan oleh jabatan yang ditetapkan. BASK bertanggungjawab memantau AMP berkaitan penggunaan sistem FAIS, FINEP2.0, FINEPay dan FINEPortal. BKPE berperanan memantau AMP daripada pelajar dan pihak berkepentingan berkaitan manakala BPA pula memantau prestasi verifikasi aset UiTM melalui pelaporan bulanan UKZ dan UiTM Cawangan. Kecekapan operasi diukur melalui sasaran yang ditetapkan di Piagam Pelanggan JBend dengan pemantauan prestasi oleh BPDK dan dibentangkan dalam MKSP.

Di samping itu, pengumpulan data bergantung kepada keperluan dan permintaan pemegang taruh dari semasa ke semasa seperti PTj, MEU, BAD, Audit ISO, JAN dan MoF/KPT. Sehubungan dengan ini, sistem kewangan UiTM perlu sentiasa bersedia siaga untuk memenuhi keperluan.

Pemantauan (CHECK) dilaksanakan melalui mesyuarat berkala. Analisis data dan risiko dibentangkan dalam MPKU dan MKSP untuk tindakan pembetulan dan penambahbaikan. Melalui pemantauan dalam mesyuarat ini, JBend telah mengenal pasti kelemahan sedia ada dan menambah baik proses/sistem mengikut keperluan PTj/semasa. Pemantauan ini juga telah membantu Pengurusan Kanan membuat keputusan yang strategik.

Hasil analisis digunakan untuk tindakan pembetulan dan penambahbaikan (ACT) melalui inovasi. Pengurusan Kanan telah melantik bahagian yang bertanggungjawab untuk menggerakkan dan memantau pelaksanaan kajian semula proses kerja/sistem kewangan sedia ada, menyediakan keperluan pengguna, membentangkan kepada Pengurusan Kanan untuk kelulusan dan seterusnya mengambil tindakan sewajarnya sehingga inovasi tersebut direalisasikan.

Hasil daripada pemantauan, analisis dan pengurusan pengetahuan melalui proses pengukuran yang dilaksanakan, telah terbukti dengan pencapaian dan pengiktirafan yang diterima daripada pelbagai pihak antaranya Sijil Audit Bersih daripada JAN, anugerah pembudayaan cashless society daripada KiplePay serta telah diiktiraf melalui lawatan penandaarasan daripada agensi

lain.

## 4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

JBend mengukur, menganalisa dan menguruskan pengetahuan bidang tumpuan penyampaian perkhidmatan kewangan melalui pencapaian Objektif Kualiti (Bukti 1 : JBend\_K4-Ai) dan Piagam Pelanggan (Bukti 2 : JBend\_K4-Aii).

Pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik PSPB 2021-2025 (Bukti 3 : JBend\_K4-Aiii) diukur bagi memastikan semua sasaran tema strategik tercapai mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Semakan Semula Pelan Tindakan 2024 bagi PSPB 2021-2025 dilaksanakan bagi memantau pelaksanaan inisiatif dan strategi untuk memastikan semua objektif tercapai.

Setiap ukuran prestasi adalah berbeza mengikut keperluan dimensi prestasi yang berlainan seperti kepuasan hati pelanggan, keberkesanan dan kecekapan operasi, produktiviti serta keberkesanan kos. Pengukuran yang telah digunakan adalah seperti yang ditunjukkan di (Bukti 4 : JBend\_K4-Aiv) dan (Bukti 5 : JBend\_K4-Av) .

Selain mesyuarat berkala, pengukuran juga dilaksanakan melalui pemantauan dan semakan dua kali setahun oleh Pasukan Audit Dalam ISO JBend terhadap proses dan prosedur kewangan. Di bawah skop pensijilan ISO 9001:2015, pengurusan kewangan UiTM juga diaudit oleh LRQA. Pengurusan kewangan turut tertakluk kepada pengauditan agensi luar seperti LHDN, JAN, BAD. Selain itu, JBend juga mengukur tahap prestasi pengurusan kewangan berpandukan penemuan atau maklum balas audit.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0072\\_A01\\_AB02\\_20251\\_Bukti 1\\_JBend\\_K4-Ai Objektif Kualiti JBend.pdf](#)
2. [B0072\\_A01\\_AB02\\_20252\\_Bukti 2\\_JBend\\_K4-Aii Piagam Pelanggan JBend.pdf](#)
3. [B0072\\_A01\\_AB02\\_20253\\_Bukti 3\\_JBend\\_K4-Aiii Semakan Semula Pelan Tindakan 2024 bagi PSPB 2021-2025.pdf](#)
4. [B0072\\_A01\\_AB02\\_20254\\_Bukti 4\\_JBend\\_K4-Aiv Rajah Ukuran Utama dan Penghasilan Pengukuran.pdf](#)
5. [B0072\\_A01\\_AB02\\_20255\\_Bukti 5\\_JBend\\_K4-Av Data Ukuran dan Data Yang Digunakan.pdf](#)

### **4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Pengukuran data kewangan dilaksanakan melalui mekanisme berstruktur bagi memastikan ketepatan, keseragaman dan konsistensi di seluruh JBend. JBend mendokong matlamat Objektif Kualiti dengan mematuhi Piagam Pelanggan, melaksanakan pengauditan dan pensijilan ISO JBend serta menyelaras KPI/PI penjana pendapatan dengan Pelan Strategik Universiti. (Bukti 1: JBend\_K4-Di)

Data yang digunakan untuk pengukuran item dikumpul oleh PYB mengikut bahagian dan UKZ bagi tujuan penghasilan pencapaian mengikut sasaran berikut:

#### **1. Proses Penyampaian Perkhidmatan Kewangan Menepati Piagam Pelanggan**

Data yang sahih, terkini dan tepat diperoleh dan diterjemah kepada laporan pencapaian prestasi. JBend menjana data daripada semua sistem kewangan seperti data prestasi bayaran dan pengeluaran Pesanan Tempatan dijana daripada FAIS (Menu RB8, RC3, RC9, PBR, PBW,) (Bukti 2: JBend\_K4-Dii-1 dan JBend\_K4-Dii-2), prestasi verifikasi aset daripada FINEPortal (Bukti 3: JBend\_K4-Diii-1) serta prestasi sumbangan/kutipan daripada statistik FINEPay (Bukti 3: JBend\_K4-Diii-2).

Pengukuran Piagam Pelanggan menentukan tahap pencapaian Objektif Kualiti 1 secara keseluruhan. Data disemak PYB dengan membandingkan pencapaian prestasi semasa dengan KPI Piagam Pelanggan dan Objektif Kualiti. Analisis ini membantu mengenal pasti punca ketidakpatuhan.

Melalui FINEPortal, kerja-kerja verifikasi aset dilaksanakan dan prestasi diukur melalui Laporan Kemajuan Verifikasi di modul FINEAsset. Laporan dijana oleh PYB dan dimuat naik ke dalam Google Drive Laporan Kemajuan Verifikasi Harta dan dipantau oleh BPA secara bulanan bagi mengetahui status aset yang telah diverifikasi. Laporan tersebut seterusnya dibentangkan di JPAKU.

Data penjana pendapatan diperolehi melalui FINEPay dan cashless counter. Pengumpulan data dilakukan secara bulanan atau selepas program tamat untuk dilaporkan kepada PTj, FAIS, FINEPortal dan FINEP2.0 juga berkeupayaan menjana laporan yang komprehensif mengikut keperluan pelanggan. (Bukti 2 dan Bukti 3).

#### **2. Persepsi dan Kepuasan Hati Pelanggan**

Prosedur AMP [PK.PBUiTM.PPK.(P).07] dan Prosedur Analisis Data [PK.PBUiTM.PPK.(P).08] di bawah pensijilan ISO 9001:2015 menjadi rujukan bagi memastikan AMP diuruskan secara sistematik. Selaras dengan Objektif Kualiti ketiga yang memfokuskan kepuasan hati pelanggan, instrumen pengukuran tahap persepsi dan kepuasan hati diperoleh melalui Kaji Selidik Kepuasan Pelanggan dan AMP secara elektronik dan bukan elektronik melalui maklum balas yang diterima.

JBend menggunakan medium AMP seperti Borang Kaji Selidik, emel, Sistem UNITS dan e-Aduan Korporat UiTM. Data dikumpul dan dianalisis secara bulanan oleh PYB. (Bukti 4: JBend\_K4-Div -1). Aduan yang memerlukan tindakan, disalurkan kepada bahagian/UKZ berkaitan untuk perhatian segera. Analisa AMP menggunakan skala likert dan dibuat dua kali setahun. Hasil analisis dibentangkan di MKSP untuk semakan semula dan penambahbaikan proses. (Bukti 4: JBend\_K4-Div -2)

#### **3. Pemetaan KPI/PI PSPB 2021-2025 dengan Pelan Strategik UiTM**

Pencapaian PSPB2021-2025 diukur secara bulanan melalui data yang dijana dari FAIS. Maklumat pencapaian PI penjana pendapatan dianalisis untuk dibandingkan dengan sasaran. Analisis kewangan juga menilai trend perbelanjaan dan sumber pendapatan adalah untuk mengenal pasti potensi yang menyumbang kepada kemampuan kewangan universiti.

Pemantauan berstruktur dilaksanakan melalui pembentangan prestasi pencapaian KPI/PI dalam MPKU. Laporan ini menilai kemajuan setiap inisiatif, mengenal pasti sebarang ketidakcapaian serta membolehkan tindakan pembetulan diambil secara proaktif. Analisis prestasi juga dilakukan secara berkala pada setiap suku tahun di mana laporan pencapaian KPI/PI disemak dan dianalisis secara menyeluruh (Bukti 5: JBend \_K4-Dv).

**SENARAI BUKTI :**

1. [B0072\\_A01\\_AB03\\_20251\\_Bukti 1\\_JBend\\_K4-Di Item Pengukuran dan Kekekapan Pengukuran-Pelaporan.pdf](#)
2. [B0072\\_A01\\_AB03\\_20252\\_Bukti 2\\_JBend\\_K4-Dii Skrin Menu Laporan Prestasi Bayaran dan Laporan Analisis Ketidapatuh.pdf](#)
3. [B0072\\_A01\\_AB03\\_20253\\_Bukti 3\\_JBend\\_K4-Diii Paparan Skrin Pelaporan Prestasi Verifikasi Aset dan Prestasi Penjanaaan Pendapatan.pdf](#)
4. [B0072\\_A01\\_AB03\\_20254\\_Bukti 4\\_JBend\\_K4-Div Proses AMP & Analisa Data.pdf](#)
5. [B0072\\_A01\\_AB03\\_20255\\_Bukti 5\\_JBend\\_K4-Dv Pemantauan Prestasi Penjanaaan Pendapatan.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Hasil penganalisaan data diterjemahkan melalui laporan utama (Bukti 1: JBend\_K4-L-Ci) seperti berikut:

1. Laporan AMP
2. Laporan Pencapaian Objektif Kualiti dan Piagam Pelanggan.
3. Laporan Kemajuan Pembangunan Sistem Kewangan JBend/ Penambahbaikan FINEP.
4. Laporan Kemajuan Verifikasi Harta 2024 - UiTM Keseluruhan.

Laporan-laporan ini juga merupakan input kepada pemantauan PSPB2021-2025. Selain itu, JBend turut memantau prestasi pengurusan kewangan (Bukti 2: JBend\_K4-L-Cii) berikut:

1. Prestasi Bajet
2. Prestasi Pembekal
3. LO Tertanggung
4. Hasil Tertanggung

Bagi menjamin kemampunan pengurusan kewangan berlandaskan tadbir urus tangkas, JBend sentiasa memantau dan memastikan pencapaian Objektif Kualiti 2 melalui maklum balas dan penemuan hasil audit pelbagai pihak seperti JAN, LRQA, PAD, BAD, audit penarafan aset dan audit pematuhan etika UiTM . (Bukti 3: JBend\_K4-L-Ciii)

Laporan-laporan tersebut telah dibentangkan dalam MKSP dan MPKU bagi tujuan pemantauan dan penambahbaikan. Manakala, Laporan AMP serta Laporan Pencapaian Dasar dan Objektif Kualiti telah dibentangkan di MKSP untuk tindakan lanjut (Bukti 4: JBend\_K4-L-Civ).

Laporan Kemajuan Pembangunan Sistem Kewangan JBend dan Laporan Penambahbaikan FINEP pula telah dibentangkan di MPKU (Bukti 4: JBend\_K4-LC-iv). Manakala Laporan Kemajuan Verifikasi Harta - UiTM Keseluruhan telah dibentangkan di JPAKU.

Analisis data juga diperolehi dari semakan PSPB 2021-2025 seperti yang ditunjukkan pada Bukti 5: JBend\_K4-Dv. Analisis pelaksanaan, kemajuan dan pencapaian inisiatif strategik juga dibentangkan di mesyuarat MKSP dan MPKU (Bukti 5: JBend\_K4-L-Cv).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0072\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20251\\_Bukti\\_1\\_JBend\\_K4-L-Ci\\_Laporan\\_Utama\\_Prestasi\\_Kewangan\\_Tahun\\_2024\\_dalam\\_MKSP-MPKU.pdf](#)
2. [B0072\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20252\\_Bukti\\_2\\_JBend\\_K4-L-Cii\\_Laporan\\_Prestasi\\_Pengurusan\\_Kewangan\\_Tahun\\_2024.pdf](#)
3. [B0072\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20253\\_Bukti\\_3\\_JBend\\_K4-L-Ciii\\_Laporan\\_Maklum\\_Balas\\_dan\\_Penemuan\\_Oleh\\_Pihak\\_Auditor.pdf](#)
4. [B0072\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20254\\_Bukti\\_4\\_JBend\\_K4-L-Civ\\_Laporan\\_Pencapaian\\_Objektif\\_Kualiti\\_dan\\_Penambahbaikan\\_FINEProcument\\_Plus.pdf](#)
5. [B0072\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20255\\_Bukti\\_5\\_JBend\\_K4-L-Cv\\_Laporan\\_Penjanaan\\_Pendapatan\\_UiTM\\_Suku\\_Tahun\\_Kedua\\_2024.pdf](#)

#### **4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

JBend telah mengenal pasti risiko pengukuran analisis dan pengurusan pengetahuan melalui kajian semula analisis, pemerhatian, pengalaman dan penemuan audit seperti berikut:

##### **4.2.1. Risiko Ketepatan Data**

Punca:

- Penyediaan data laporan dilaksanakan secara manual.
- Kesilapan ketika merekod transaksi di sistem.

Tindakan kawalan dan pencegahan:

- Menyediakan manual pengguna sebagai garis panduan penggunaan sistem.
- Mewujudkan/ memuat naik buku kod akaun ke FINEPortal dan mengawal penggunaan kod akaun.
- Mewujudkan menu laporan di sistem bagi memastikan ketepatan maklumat.
- Memberi taklimat dan latihan kompetensi kepada pengguna sistem.

(Bukti 1: JBend\_K4-L-Ri)

##### **4.2.2. Risiko kebocoran maklumat**

Punca: Rekod tidak diklasifikasikan dengan baik mengikut tahap (terhad, sulit, rahsia dan rahsia besar).

- Hasil analisa yang sulit dikongsi kepada pihak yang tidak sepatutnya.
- Penyalahgunaan menu FAIS disebabkan pemberian login kepada staf lain.
- Penyalahgunaan menu FAIS disebabkan pemberian login yang tidak mengikut peranan.

Tindakan pencegahan:

- Mewujudkan fungsi log keluar secara automatik di FAIS selepas 30 minit tidak aktif (Bukti 2: JBend\_K4-L-Rii).
- Memastikan rekod diklasifikasikan mengikut tahap yang telah ditetapkan dan hanya diberi kepada pihak yang berhak menerimanya (Bukti 2: JBend\_K4-L-Rii).
- Menyimpan rekod dalam format elektronik/digital (Bukti 2: JBend\_K4-L-Rii).
- Melantik pegawai rekod. (Bukti 2: JBend\_K4-L-Rii).
- Menetapkan kawalan akses sistem berdasarkan peranan dan jawatan pengguna (Bukti 3: JBend\_K4-L-Riii).
- Mengeluarkan poster, memberi taklimat serta latihan berkaitan integriti dan rasuah (ESI iDART dan lain-lain) oleh Jawatankuasa Integriti (Bukti 3: JBend\_K4-L-Riii).

##### **4.2.3 Risiko ketidakcukupan sumber manusia**

Punca:

- Kelewatan penggantian staf yang bersara/berhenti menyebabkan prestasi pengurusan

keuangan tidak mencapai sasaran.

Tindakan pencegahan:

- Mengimplementasikan pengurusan kewangan berteraskan teknologi - risiko no.73 (Bukti 4: JBend\_K4-L-Riv).
- Melaksanakan integrasi sistem bagi meningkatkan kecekapan penggunaan sumber manusia (Bukti 5: JBend\_K4-L-Rv).
- Mewujudkan multi-skill staff melalui latihan kompetensi.

**SENARAI BUKTI :**

1. [B0072\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20251\\_Bukti 1\\_JBend\\_K4-L-Ri Kawalan Bagi Risiko Ketepatan Data.pdf](#)
2. [B0072\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20252\\_Bukti 2\\_JBend\\_K4-L-Rii Kawalan Bagi Risiko Kebocoran Maklumat.pdf](#)
3. [B0072\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20253\\_Bukti 3\\_JBend\\_K4-L-Riii Kawalan Terhadap Aspek Integriti JBend.pdf](#)
4. [B0072\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20254\\_Bukti 4\\_JBend\\_K4-L-Riv Kawalan Bagi Risiko Ketidacukupan Sumber Manusia.pdf](#)
5. [B0072\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20255\\_Bukti 5\\_JBend\\_K4-L-Rv Kawalan Bagi Risiko Ketidacukupan Sumber Manusia-Integrasi Sistem.pdf](#)

#### 4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

JBend menganalisis hasil tindakan melalui pemantauan berterusan, penilaian prestasi, serta maklum balas daripada pihak berkepentingan bagi mengenal pasti keberkesanan pelaksanaan. Hasil analisis ini digunakan sebagai asas penambahbaikan dasar, proses dan strategi selaras dengan Objektif Kualiti, Piagam Pelanggan, dan sasaran PSPB 2021-2025 (Bukti 1: JBend\_K4-L-Pi).

Tindakan penambahbaikan yang telah diambil berdasarkan hasil kajian adalah seperti berikut:

##### 4.3.1 Inovasi dan Pendigitalan Proses Kerja (Bukti 2: JBend\_K4-L-Pii).

a) Inisiatif penubuhan Tabung Amanah Sinking Fund sebagai sumber peruntukan dalaman bagi menampung perbelanjaan selenggara aset UiTM.

b) Penambahbaikan proses kerja melalui pendigitalan dilaksanakan dengan penggunaan sistem seperti berikut:

- Sistem JBNP bagi mempercepatkan proses permohonan bajet.
- Sistem penerimaan FINEPay bagi memudahkan pembayaran oleh pelanggan
- Sistem FINEP dan FINEAsset bagi mempercepatkan proses perolehan, bayaran dan verifikasi aset.
- Langganan sistem CTOS Data Sdn Bhd bagi menangani isu hutang tertunggah

##### 4.3.2 Penyeragaman Penggunaan

a) Bagi memudahkan penjanaan data pelaporan, JBend telah menyeragamkan penggunaan sistem kewangan (FAIS, FINEPay, FINEP 2.0) di semua JBend termasuk UKZ, bahagian serta PTj.

b) Meningkatkan pengetahuan melalui kursus fungsional kepada semua staf JBend (Bukti 3: JBend\_K4-L-Piii).

##### 4.3.3 Penghargaan kepada JBend yang telah memenuhi Piagam Pelanggan JBend (Bukti 4: JBend\_K4-L-Piv)

a) Pemberian sijil penghargaan kepada UKZ dan JBendC yang berjaya menjelaskan bayaran dalam tempoh tujuh hari dari tarikh terima dokumen lengkap.

b) Sijil penghargaan diberikan kepada PTj yang telah berjaya mencapai sasaran prestasi verifikasi harta tahun 2024. (Bukti 4: JBend\_K4-L-Piv)

##### 4.3.4 Pemantauan Berterusan

Prestasi pencapaian penjanaan pendapatan Universiti dipantau melalui pembentangan laporan prestasi KPI/PI pada setiap suku tahun dalam Mesyuarat Pembentangan Pelaporan Pencapaian yang dipengerusikan oleh Naib Canselor. (Bukti 4: JBend\_K4-L-Pv).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0072\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20251\\_Bukti\\_1\\_JBend\\_K4-L-Pi\\_Semakan Semula Sasaran Pelan Tindakan 2024.pdf](#)
2. [B0072\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20252\\_Bukti\\_2\\_JBend\\_K4-L-Pii\\_Penambahbaikan, Inovasi dan Pendigitalan Proses Kerja.pdf](#)
3. [B0072\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20253\\_Bukti\\_3\\_JBend\\_K4-L-Piii\\_Penyeragaman Penggunaan.pdf](#)
4. [B0072\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20254\\_Bukti\\_4\\_JBend\\_K4-L-Piv\\_Sijil Penghargaan dan Surat Penghargaan.pdf](#)
5. [B0072\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20255\\_Bukti\\_5\\_JBend\\_K4-L-Pv\\_Laporan Prestasi Penjanaan Pendapatan.pdf](#)

---

## 4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

JBend telah menggunakan FAIS sebagai instrumen utama pengurusan kewangan UiTM. Rekod dan data yang disimpan di FAIS boleh dicapai oleh warga JBend di seluruh sistem UiTM melalui integrasi data antara sistem JBend (FAIS, FINEPortal, FINEP2.0). JBend termasuk di UiTM Cawangan menggunakan sistem yang sama untuk menjana data bagi mengukur, menganalisa dan menyediakan laporan prestasi kewangan kepada pengurusan PTJ dan pihak berkepentingan seperti KPT dan MOF.

Penggunaan rekod kewangan telah diperluas ke peringkat PTJ dan UiTM Cawangan melalui modul-modul FINEPortal merangkumi pelaporan bajet, e-verifikasi aset, tuntutan perjalanan dan penggajian bagi tujuan pemantauan dan penilaian prestasi kewangan masing-masing secara lebih sistematik dan bersepadu.

Pembudayaan ini membuktikan keseragaman pelaporan dan analisis pencapaian kewangan yang telah dimanfaatkan oleh pengurusan tertinggi UiTM dan pihak berkepentingan bagi tujuan penilaian dan perbandingan prestasi pengurusan kewangan antara PTJ dan JBendC. Keseragaman ini terhasil dari analisis keperluan pelaporan pihak yang berkepentingan. Sebagai contoh, laporan bajet dijana secara sendiri oleh ketua jabatan bagi memantau prestasi bajet PTJ atau kampus masing-masing (Bukti 1: JBend\_K4-li). Keseragaman ini juga telah memperkukuh keupayaan PTJ dan JBend dalam merancang dan memantau agihan bajet tahunan dengan lebih teratur dan telus selaras dengan perkara 1 Piagam Pelanggan.

Inisiatif dalam PSPB2021-2025 terhasil daripada analisis data untuk tindakan penambahbaikan dan inovasi. Sebahagian inisiatif melibatkan penambahbaikan sistem/proses sedia, manakala selebihnya merupakan inisiatif inovasi yang baharu diperkenalkan.

Antara contoh penambahbaikan sistem/proses adalah naik taraf FINEP2.0, FINEPortal, FAIS dan integrasi antara sistem-sistem utama Universiti dan pihak luar. Manakala inovasi yang diperkenalkan adalah FINEPay, Cashless Counter dan Virtual Account (Bukti 2: JBend\_K4-lii).

Bagi memudahkan rujukan pula, staf boleh mengakses dokumen penting seperti Pekeliling Bendahari, Surat Pekeliling Bendahari, Arahan Amanah, eKadar, Garis Panduan Pekeliling Kerajaan dan lain-lain melalui platform e-Sumber dalam FINEPortal. Akses ini terbuka kepada semua warga staf UiTM dan tidak terhad kepada staf JBend (Bukti 3: JBend\_K4-liiii).

Kecekapan proses pembayaran telah dipertingkatkan melalui inovasi Host to Host (H2H) yang mengintegrasikan proses bayaran dari sistem UiTM ke sistem bank. (Bukti 4: JBend\_K4-liv).

Penambahbaikan sistem FINEPayroll telah memudahkan semakan staf terhadap sumbangan yang layak mendapat pengecualian cukai daripada LHDN (Bukti 5: JBend\_K4-lv).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0072\\_A01\\_AB05\\_20251\\_Bukti\\_1\\_JBend\\_K4-li\\_Skrin\\_FINEPortal-Menu\\_Laporan\\_Bajet.pdf](#)
2. [B0072\\_A01\\_AB05\\_20252\\_Bukti\\_2\\_JBend\\_K4-lii\\_Penambahbaikan\\_Sistem\\_Penerimaan\\_Secara\\_'Cashless'.pdf](#)
3. [B0072\\_A01\\_AB05\\_20253\\_Bukti\\_3\\_JBend\\_K4-liiii\\_Dashboard\\_FINEPortal\\_eSumber.pdf](#)
4. [B0072\\_A01\\_AB05\\_20254\\_Bukti\\_4\\_JBend\\_K4-liv\\_Penambahbaikan\\_Sistem\\_Bayaran\\_IBG\\_Kepada\\_Host\\_To\\_Host\\_\(H2H\).pdf](#)
5. [B0072\\_A01\\_AB05\\_20255\\_Bukti\\_5\\_JBend\\_K4-lv\\_Penambahbaikan\\_Sistem\\_FINEPayroll.pdf](#)

## **KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA**

### **5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

#### **Perancangan**

JBend melalui BPDK dan PPSM telah merancang pelbagai inisiatif pengurusan sumber manusia untuk mencapai objektif PSPB2021-2025 dan memastikan keberkesanan pengurusan kewangan secara keseluruhan.

Kekuatan JBend terletak pada 236 orang staf yang kompeten, terdiri daripada 53 staf P&P serta 183 staf Pelaksana. Dengan kekuatan ini, pengurusan kewangan terbaik disalurkan terus kepada pelanggan melalui 11 Bahagian dan 13 UKZ.

Statistik kelayakan tertinggi akademik staf JBend:

- 12 orang staf berkelulusan Sarjana
- 80 orang staf berkelulusan Ijazah Sarjana Muda
- 144 orang staf berkelulusan Diploma / SPM / Sijil

Seramai 48 orang staf JBend merupakan Akauntan Bertauliah yang diiktiraf oleh badan perakaunan profesional seperti MIA, ACCA, CIMA, CGMA, CHRO dan CAT.

Peningkatan kompetensi dan pembangunan bakat dilaksanakan melalui penempatan, pertukaran dan penggiliran kerja secara terancang. Keutamaan diberi berdasarkan perkhidmatan dan keperluan operasi di sesuatu Bahagian / UKZ.

Keperluan peningkatan kompetensi staf juga dikenal pasti secara proaktif oleh JBend melalui JLPB. Sebagai usaha memperkasa pembangunan bakat secara holistik, JBend komited dalam pengurusan AMP staf dan menghargai pencapaian staf dalam aspek kerjaya dan penyertaan dalam bidang sukan.

#### **Pelaksanaan**

Bagi agenda penggiliran kerja, tinjauan dilaksanakan untuk mendapatkan maklum balas berkaitan tempoh perkhidmatan dan cadangan mobiliti staf melalui Google Form dan sesi libat urus bersama Ketua Bahagian / UKZ.

JBend turut menganjurkan pelbagai kursus dan latihan yang dirangka khusus untuk staf, meliputi 9 aktiviti teras pengurusan kewangan. Staf juga diberi peluang menyertai latihan anjuran pihak luar bagi memperluas pengetahuan dan meningkatkan kecekapan merangkumi aspek kompetensi kewangan, pembangunan bakat dan pengurusan digital.

Penglibatan staf sebagai ahli dan urusetia dalam pelbagai jawatankuasa di peringkat Universiti, PTJ dan JBend adalah diiktiraf sebagai peranan penting. Keahlian ini berfungsi sebagai penasihat dan pakar rujuk dalam pengurusan kewangan dan memastikan pematuhan kepada peraturan serta garis panduan kewangan yang berkuat kuasa.

#### **Pemantauan**

Pemantauan ke atas prestasi dan pembangunan sumber manusia dibuat secara berterusan melalui mesyuarat PPSM yang merupakan pembuat keputusan bagi pengurusan sumber manusia JBend.

Ketua Bahagian / UKZ juga sentiasa memastikan prestasi staf seliaan berada pada tahap memuaskan di samping mengambil langkah proaktif dalam pemantauan berterusan. Sebarang isu yang dihadapi staf ditangani secara tuntas dan diberi penyelesaian sewajarnya

JBend mengamalkan komunikasi dua hala secara berstruktur melalui pelaksanaan sesi turun

padang oleh Pengurusan Kanan ke Bahagian / UKZ dan JBendC bagi memantau prestasi dan kebajikan staf serta menangani isu berbangkit.

AMP staf daripada pelbagai saluran dianalisis dan dibincangkan dalam mesyuarat PPSM untuk penambahbaikan. Selain itu, penglibatan staf dalam latihan kompetensi dipantau dan dilaporkan secara berkala dalam MKSP.

### **Tindakan Penambahbaikan**

Bagi meningkatkan kompetensi dan bakat, JBend telah melaksanakan program pertukaran melibatkan 36 orang staf pada tahun 2024.

Platform pembelajaran dalam talian khususnya latihan berkaitan pengurusan operasi kewangan telah disediakan sebagai inisiatif penambahbaikan kaedah latihan.

Penambahbaikan kepada persekitaran kerja yang kondusif dan selamat pula telah dilaksanakan dengan peningkatan kemahiran, kefahaman dan kecekapan staf melalui integrasi sistem FAIS dengan sistem seperti MASMED2U bagi pembayaran pinjaman TKS , Program Keusahawanan, PERMATA, serta Modul Kerja dalam Sistem FINEP2.0 yang bertujuan memudahkan proses pengurusan perolehan kerja serta perkhidmatan fasiliti yang dilakukan secara manual sebelum ini.

## 5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Kaedah pengurusan sumber manusia untuk menjayakan bidang tumpuan adalah melalui :

### 1. Penggiliran Kerja dan Penstrukturan Carta Organisasi

Staf yang berkhidmat melebihi lima tahun dalam satu Bahagian / UKZ diberi keutamaan mengembangkan kompetensi dan bakat dengan membuat pemilihan pertukaran tempat bertugas melalui edaran Borang Tinjauan Mobiliti Pegawai Kewangan secara Google Form. (Bukti 1: JBend\_K5-Ai)

Untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan organisasi, penstrukturan JBend dilaksanakan dengan penambahan dua bahagian / unit baharu ke dalam JBend iaitu Unit Endowmen dan Bahagian Hartanah yang sebelum ini di bawah seliaan Naib Canselor. Unit Endowmen kini digabungkan dengan BPKE. (Bukti 1: JBend\_K5-Ai)

### 2. Kepimpinan Organisasi dan Kebajikan Staf

Pengurusan sumber manusia berteraskan keprihatinan terhadap kebajikan staf dapat meningkatkan motivasi dan kepuasan kerja melalui pelaksanaan:

i. Siri Jelajah Town Hall Bendahari bersama warga JBend telah memperkukuh komunikasi dua hala dan mendapat maklumbalas, pandangan dan cadangan staf berkaitan perkhidmatan agar dapat diteliti dan ditangani dengan lebih berkesan. (Bukti 2: JBend\_K5-Aii)

ii. Kepimpinan cakna dan prihatin JBend dilaksanakan melalui KKPB yang memberi sokongan dan sumbangan kepada staf yang ditimpa musibah, masalah kesihatan atau kelahiran cahaya mata. Usaha ini telah memupuk semangat kebersamaan dan kesejahteraan dalam kalangan warga JBend. (Bukti 2: JBend\_K5-Aii)

### 3. Pengurusan Latihan dan Pembangunan Staf

JLPB merancang keperluan latihan dan program peningkatan kompetensi staf daripada hasil tinjauan keperluan latihan untuk 2024 melalui edaran Google Form pada 01.12.2023. (Bukti 3: JBend\_K5-Aiii)

Sehingga 2024, JBend mempunyai 11 orang pegawai berkeelayakan Sarjana, 41 orang berkeelayakan Ijazah Sarjana Muda dan seorang berkeelayakan Diploma Lanjutan dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional. Bagi kumpulan Pelaksana pula, seorang berkeelayakan Sarjana, 39 orang berkeelayakan Ijazah Sarjana Muda dan 76 orang berkeelayakan Diploma. Selain itu, seramai 48 staf mempunyai kelayakan profesional. (Bukti 3: JBend\_K5-Aiii)

Penghargaan dan pengiktirafan oleh pengurusan kepada sumber tenaga manusia adalah penting untuk meningkatkan motivasi dan kepuasan kerja staf. Ia dilaksanakan melalui :

#### A. Anugerah dan Pengiktirafan Kemajuan Kerjaya

Penghargaan dan pengiktirafan kemajuan kerjaya diberikan melalui inisiatif penganugerahan APC kepada staf berprestasi cemerlang. Majlis Penyerahan Surat Penghargaan bagi Penerima APC telah diadakan bagi menyemarakkan semangat kerja cemerlang staf. (Bukti 4: JBend\_K5-Aiv)

Staf berkompentensi tinggi dan memenuhi syarat diberi pertimbangan kenaikan pangkat. Pada 2024, kenaikan pangkat bagi 25 orang staf telah diluluskan. Sesi penyerahan surat dan hebahan telah diadakan sebagai motivasi dan penghargaan. (Bukti 4: JBend\_K5-Aiv)

#### B. Penghargaan Kepada Warga

JBend menghargai khidmat bakti staf yang telah bersara dengan penganjuran Majlis Persaraan Staf ketika Mesyuarat Agung Tahunan KKJB ke-28 pada 11.11.2024. (Bukti 5: JBend\_K5-Av)

Sokongan dan penghargaan JBend untuk penglibatan staf dalam aktiviti sukan dizahirkan

melalui Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen dan Apresiasi Kejohanan SUKRIM bagi menghargai kejayaan staf mengharumkan nama UiTM dengan mengekalkan Kejuaraan Keseluruhan bagi tiga edisi berturut-turut. (Bukti 5: JBend\_K5-Av)

Majlis Apresiasi AKNC telah diadakan sebagai penghargaan dan pengiktirafan kepakaran dan sumbangan staf menghasilkan pelaporan pencapaian JBend. (Bukti 5: JBend\_K5-Av)

**SENARAI BUKTI:**

1. [B0072\\_S01\\_SB02\\_20251\\_Bukti 1\\_JBend\\_K5-Ai.pdf](#)
2. [B0072\\_S01\\_SB02\\_20252\\_Bukti 2\\_JBend\\_K5-Aii.pdf](#)
3. [B0072\\_S01\\_SB02\\_20253\\_Bukti 3\\_JBend\\_K5-Aiii.pdf](#)
4. [B0072\\_S01\\_SB02\\_20254\\_Bukti 4\\_JBend\\_K5-Aiv.pdf](#)
5. [B0072\\_S01\\_SB02\\_20255\\_Bukti 5\\_JBend\\_K5-Av.pdf](#)

### **5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

JBend mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia bagi menjayakan bidang tumpuan melalui:

#### **1. Pengurusan Penggiliran Kerja/Penstrukturkan Staf**

Penstrukturkan dilaksanakan secara sistematik untuk menggalakkan perkongsian kepakaran serta memperluas pengalaman kerja. Inisiatif ini memberi peluang kepada staf yang berpengalaman untuk berkongsi kepakaran dan amalan baik bahagian terdahulu di samping menambah ilmu baharu di Bahagian/UKZ yang ditugaskan. Tinjauan melalui Google Form dibuat untuk mendapatkan maklum balas staf berkaitan kesediaan penggiliran kerja. Hasilnya, pada 2024, seramai 36 staf telah bertukar tempat bertugas sekaligus menyumbang kepada pemantapan operasi dan penyampaian perkhidmatan JBend. (Bukti 1: JBend\_K5-Di)

#### **2. Pengurusan Latihan & Kecemerlangan Bakat**

Pada 2024, 72 latihan telah disertai oleh staf iaitu 26 anjuran Bahagian Kewangan JBend, 17 JLPB, 16 KKJB, tiga JK Integriti JBend, masing-masing satu oleh ILD dan Unit Kaunseling manakala 8 lagi anjuran organisasi luar.

Latihan merangkumi bidang generik, fungsi pengurusan kewangan, kerohanian, kesihatan, ICT, kepimpinan dan pembangunan bakat untuk meningkatkan pengetahuan, kepakaran dan pembentukan sahsiah staf. Kepakaran dalaman sebagai penceramah telah membuktikan pengoptimuman sumber, menjimatkan kos latihan serta mempelbagai kemahiran dan kepakaran staf. (Bukti 2: JBend\_K5-Dii)

Pada tahun 2024, seramai 228 staf (99.56%) berjaya memenuhi 42 jam latihan sekaligus menunjukkan tahap komitmen yang tinggi terhadap pembangunan kompetensi berterusan. (Bukti 2: JBend\_K5-Dii)

Kepakaran staf dioptimumkan dengan kerjasama iCEPS dalam pembangunan Modul Kursus Pengurusan Kewangan Digital yang memfokuskan skop pengurusan aset UiTM. Inisiatif ini memberi peluang pembelajaran sepanjang hayat melalui penyampaian kursus secara fleksibel dan mesra pengguna untuk memperkukuh pemahaman terhadap peraturan kewangan menerusi kandungan yang berkualiti dan meningkatkan kecekapan seluruh warga UiTM. (Bukti 3: JBend\_K5-Diii)

Sebagai inisiatif ke arah kemampanan kewangan melalui pembangunan bakat berkualiti, JBend menghantar dua staf bagi mengikuti program VCSP P401:UiTM Talent Quest di Singapura. Program ini telah mendedahkan staf kepada latihan bertaraf antarabangsa sekaligus meningkatkan kemahiran dan kecekapan. Pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang diperolehi menjadi pemangkin kecemerlangan operasi JBend dan UiTM. Penganjuran program latihan dengan kerjasama PTj seperti ILD dan agensi luar seperti SIRIM juga dilaksanakan bagi memantapkan kemahiran dan kepakaran staf. (Bukti 3: JBend\_K5-Diii)

#### **3. Penglibatan Staf dan Penyebaran Ilmu**

Pengalaman dan kepakaran staf dioptimumkan melalui penglibatan sebagai AJK, penceramah, pakar rujuk, penilai, juruaudit, panel temuduga dan lain-lain di peringkat bahagian, dalam dan luar UiTM. Ini membuktikan bahawa kepakaran staf JBend diiktiraf dan dikongsi secara meluas. Perkongsian kepakaran dan pengetahuan staf dimanfaatkan bagi menyebarluaskan kepentingan kemampanan kewangan kepada UiTM.

Peranan Bendahari sebagai peneraju JBend semakin menyerlah apabila diberi kepercayaan di peringkat nasional, termasuk pelantikan sebagai pakar rujuk BITK bagi UA bagi skim W. Kepercayaan ini diperkukuh lagi dengan penglibatan Pengurusan Kanan dalam perbincangan New Funding Formula bersama KPT pada 18 Mac 2024. Ini menjadi bukti

pengiktirafan terhadap kepakaran JBend. (Bukti 4: JBend\_K5-Div)

#### **4. Peningkatan Kelayakan dan Kompetensi Staf**

Keanggotaan dalam badan profesional yang diiktiraf memperkukuh kompetensi staf.

Seramai 47 orang staf merupakan Akauntan Bertauliah yang mempunyai kelayakan profesional perakaunan. Bendahari mengekalkan keahlian dalam badan profesional antarabangsa iaitu CIMA dan CGMA sejak tahun 2021. Seramai 41 staf JBend berkeelayakan MIA, masing-masing dua staf berkeelayakan ACCA dan CHRO dan seorang berkeelayakan CAT. (Bukti 5: JBend\_K5-Dv)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0072\\_S01\\_SB03\\_20251\\_Bukti 1\\_JBend\\_K5-Di.pdf](#)
2. [B0072\\_S01\\_SB03\\_20252\\_Bukti 2\\_JBend\\_K5-Dii.pdf](#)
3. [B0072\\_S01\\_SB03\\_20253\\_Bukti 3\\_JBend\\_K5-Diii.pdf](#)
4. [B0072\\_S01\\_SB03\\_20254\\_Bukti 4\\_JBend\\_K5-Div.pdf](#)
5. [B0072\\_S01\\_SB03\\_20255\\_Bukti 5\\_JBend\\_K5-Dv.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pengurusan Kanan sentiasa memantau isu berkaitan staf terutama berkaitan perjawatan dan operasi kerja. Town Hall Bendahari bersama warga JBend telah dijalankan untuk mendapatkan maklum balas secara bersemuka bagi membolehkan aduan staf diperhalusi. (Bukti JBend\_K5-L-Ci)

Bendahari dan Pengurusan Kanan menitikberatkan kebersamaan staf melalui pendekatan 'turun padang'. Pada 2024, 12 orang Pengurusan Kanan JBend termasuk Bendahari telah mengadakan lawatan kerja ke 7 kampus cawangan bagi mendapatkan input berkaitan persekitaran kerja serta melaksanakan pemantauan secara terus. Dari lawatan tersebut maklumat berkenaan permohonan pertukaran, staf sakit atau isu pelaksanaan proses kerja telah diperolehi. Sebagai contoh, maklum balas dari lawatan ke UiTM Cawangan Melaka telah berjaya mengatur pertukaran seorang staf ke JBend UiTM Shah Alam pada 2025. (Bukti JBend\_K5-L-Cii)

Ketua Bahagian/UKZ menggunakan mesyuarat seperti PPSM, MPKU, MPKJB dan mesyuarat peringkat masing-masing sebagai platform membincangkan isu keperluan staf, kemajuan kerjaya dan penambahbaikan sistem kerja. Antara isu yang dibincangkan termasuk isu etika kerja, pertukaran dan penstrukturan kerja. (Bukti JBend\_K5-L-Ciii)

Hasil tinjauan berkaitan pelaksanaan penggiliran kerja dianalisis dan dibentangkan kepada Pengurusan Kanan untuk dinilai kesesuaian penstrukturan dan merangka tindakan selanjutnya. Pemetaan penempatan staf dilaksanakan secara berperingkat dengan mengutamakan staf yang telah berkhidmat lebih dari lima tahun di sesuatu Bahagian/UKZ. Pendekatan ini merupakan strategi kemajuan kerjaya dan meningkatkan motivasi staf. Sepanjang 2024, 36 orang telah ditukarkan Bahagian/UKZ, manakala pertukaran 30 orang lagi dijadualkan pada 2025.

Pencalonan APC oleh Ketua Bahagian/UKZ menjadi mekanisme galakan bagi memupuk komitmen tinggi dalam kalangan staf terhadap tugas yang dipertanggungjawabkan. Peranan ini mendorong Ketua Bahagian/UKZ untuk sentiasa memantau dan menilai prestasi staf secara berterusan dan memastikan kualiti perkhidmatan sentiasa berada pada tahap yang optimum. (Bukti JBend\_K5-L-Civ)

Bagi setiap kursus fungsional kewangan yang dianjurkan oleh JLPB, peserta diwajibkan menjalani ujian penilaian. Ujian penilaian secara dalam talian ini dilaksanakan untuk menilai tahap kompetensi dan pemahaman staf. Kaedah ini memastikan staf dapat mengenal pasti tahap penguasaan masing-masing dalam sesuatu topik. Keputusan penilaian tersebut dianalisis dan dibentangkan dalam MKSP. (Bukti JBend\_K5-L-Cv)

### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0072\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20251\\_Bukti\\_1\\_JBend\\_K5-L-Ci.pdf](#)
2. [B0072\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20252\\_Bukti\\_2\\_JBend\\_K5-L-Cii.pdf](#)
3. [B0072\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20253\\_Bukti\\_3\\_JBend\\_K5-L-Ciii.pdf](#)
4. [B0072\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20254\\_Bukti\\_4\\_JBend\\_K5-L-Civ.pdf](#)
5. [B0072\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20255\\_Bukti\\_5\\_JBend\\_K5-L-Cv.pdf](#)

## **5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Jawatankuasa Pemilik Risiko JBend bertanggungjawab mengenal pasti risiko kewangan termasuk aspek sumber manusia. Penilaian risiko telah dilaksanakan dengan mengambil kira tahap impak risiko terhadap operasi. Risiko, punca dan langkah kawalan pengurusan sumber manusia telah direkodkan dalam Daftar Risiko UiTM.

Pengurusan risiko sumber manusia berkait rapat dengan kemampunan kewangan kerana sumber manusia adalah aset strategik yang secara langsung mempengaruhi kecekapan operasi dan prestasi perkhidmatan kewangan.

### **1. Sumber Manusia dan Pengurusan Perolehan**

Punca:

- Staf tidak kompeten dan tidak berintegriti, terlibat rasuah

Tindakan Kawalan dan Pencegahan:

- Siri latihan sistem FINEP2.0 kepada vendor, kursus kepada staf mengenai keselamatan data serta program bersama SPRM dan IIM. (Bukti JBend\_K5-L-Ri)

### **2. Sumber Manusia dan Pengurusan Perakaunan**

Punca:

- Kesilapan merekod maklumat sama ada di FAIS atau FineP2.0

Tindakan Kawalan dan Pencegahan:

- Mengadakan kursus fungsional secara berkala
- Memuat naik buku kod akaun di laman web

(Bukti JBend\_K5-L-Rii)

### **3. Sumber Manusia dan Pengurusan ICT**

Punca:

- Pemberian akses kepada pengguna lain / Penggunaan menu tanpa kebenaran
- Pemberian menu tidak mengikut peranan dan tanggungjawab.

Tindakan Kawalan dan Pencegahan:

- Mewujudkan automatic logout di FAIS dan FINEPortal
- Memastikan peringkat proses sedia, semak dan lulus dilaksanakan oleh pegawai yang berbeza.

(Bukti JBend\_K5-L-Riii)

### **4. Sumber Manusia dan Pengurusan Dokumen/ Rekod**

Punca:

- Kelalaian terhadap pematuhan kepada pekeliling dan tatacara operasi, terutamanya melibatkan pelupusan dokumen dan akses kepada dokumen terperingkat.

Tindakan Kawalan dan Pencegahan:

- Memantapkan kefahaman staf mengenai pengurusan rekod universiti
- Memastikan penggunaan borang peminjaman dokumen kewangan (Prosedur ISO PK.PBUiTM. PPK. (O).34). (Bukti JBend\_K5-L-Riv)

## 5. Sumber Manusia dan Kelestarian Pengurusan

Punca:

- Tiada kesinambungan kepakaran sama ada di peringkat pengurusan ataupun staf pelaksana yang disebabkan kelewatan dalam penggantian staf bersara atau berhenti akan memberi kesan kepada prestasi pengurusan kewangan.

Tindakan Kawalan dan Pencegahan:

- Melaksanakan integrasi sistem bagi mengurangkan kebergantungan kepada sumber manusia
- Melaksanakan pertukaran staf - 36 orang staf pada 2024 dan 30 orang dijadualkan pada 2025.
- Pemberian Elaun Penanggungungan Kerja (EPK) dan multi-skilling kepada staf yang layak.
- Libat Urus Perjawatan melalui sesi Town Hall Bendahari untuk mendapatkan maklum balas terus daripada staf tentang isu dan keperluan semasa sumber manusia bagi perancangan pelan penempatan.
- Penggiliran kerja antara Bahagian/UKZ/kampus cawangan.

(Bukti JBend\_K5-L-Rv)

### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0072\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20251\\_Bukti\\_1\\_JBend\\_K5-L-Ri.pdf](#)
2. [B0072\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20252\\_Bukti\\_2\\_JBend\\_K5-L-Rii.pdf](#)
3. [B0072\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20253\\_Bukti\\_3\\_JBend\\_K5-L-Riii.pdf](#)
4. [B0072\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20254\\_Bukti\\_4\\_JBend\\_K5-L-Riv.pdf](#)
5. [B0072\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20255\\_Bukti\\_5\\_JBend\\_K5-L-Rv.pdf](#)

### 5.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Berdasarkan hasil analisis, Pengurusan Kanan telah melaksanakan pertukaran 30 staf pada 2025. Pelaksanaan ini dirancang pada 2024 bagi memastikan semua Bahagian/UKZ mempunyai masa mencukupi untuk membuat penyesuaian kerja secara dalaman dan memastikan operasi kerja di Bahagian/UKZ tidak terganggu.

JBend memastikan kebajikan dan keselamatan staf terpelihara melalui beberapa inisiatif, antara penyediaan jaminan insurans bagi melindungi staf yang menguruskan tugas berisiko seperti penghantaran cek atau tunai ke bank, penyediaan kemudahan peralatan kerja, serta sumbangan kebajikan melalui KKJB. Kebajikan staf juga dipelihara melalui penganjuran aktiviti untuk mengeratkan silaturrahim di samping memelihara kesihatan mental staf seperti Hari Keluarga JBend. (Bukti JBend \_K5-L-Pi)

JBend komited memastikan staf berada dalam persekitaran kerja yang kondusif serta sistem kerja yang efektif dan efisien. Penggunaan teknologi telah mempercepatkan proses kerja dan menjimatkan masa, terutamanya melalui integrasi sistem kewangan dengan sistem-sistem lain UiTM.

Pengurusan Kanan juga menggalakkan komunikasi dua hala dan mewujudkan suasana kerja produktif serta kondusif melalui mesyuarat serta sesi perkongsian.

Pembangunan kompetensi warga JBend sentiasa ditambah baik melalui:

- Penganjuran pelbagai kursus oleh JLPB JBend termasuk kursus fungsional, generik, kerohanian, ICT, kesihatan, nilai dan kepimpinan yang melibatkan penyertaan semua staf JBend dan JBendC untuk mengasah kompetensi sedia ada. (Bukti JBend \_K5-L-Pii)
- Penilaian keperluan latihan dan maklum balas staf dibuat melalui edaran borang tinjauan. Hasil tinjauan yang dibentangkan dalam MKSP digunakan untuk mengkaji keperluan dan merancang latihan warga agar relevan dengan situasi kerja semasa. (Bukti JBend \_K5-L-Piii)
- Pelancaran eKadar@PBEND kepada semua warga adalah langkah proaktif JBend susulan aduan staf berkenaan kesukaran mendapatkan maklumat berkaitan kadar, pekeliling, punca kuasa atau peraturan kewangan. eKadar@PBEND ini telah menjadi medium rujukan utama maklumat berkaitan kadar tuntutan kewangan semasa. (Bukti JBend \_K5-L-Piv)

Bengkel Pelan Kewangan UiTM telah diadakan pada 5-7 Oktober 2024 bagi menyediakan perancangan UiTM dalam aspek kewangan untuk memastikan kelestarian kewangan. Bengkel ini menyokong visi dan misi serta mengoptimumkan penggunaan sumber universiti. Pegawai JBend dan JBendC berkumpul di ILD Bandar Enstek bagi sesi brainstorming untuk memastikan pelan yang dihasilkan adalah berkualiti dan menyeluruh. (Bukti JBend \_K5-L-Pv) Hasilnya, JBend telah mengenal pasti empat fasa dalam Pelan Kewangan iaitu Peralihan, Pemulihan, Kecekapan dan Kelestarian.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0072\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20251\\_Bukti\\_1\\_JBend\\_K5-L-Pi.pdf](#)
2. [B0072\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20252\\_Bukti\\_2\\_JBend\\_K5-L-Pii.pdf](#)
3. [B0072\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20253\\_Bukti\\_3\\_JBend\\_K5-L-Piii.pdf](#)
4. [B0072\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20254\\_Bukti\\_4\\_JBend\\_K5-L-Piv.pdf](#)
5. [B0072\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20255\\_Bukti\\_5\\_JBend\\_K5-L-Pv.pdf](#)



## 5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Tahap pencapaian Inisiatif Kecemerlangan Bakat JBend dapat dilihat seperti hasil berikut:

Komitmen berterusan JBend dalam inisiatif kecemerlangan bakat staf sepanjang tahun 2024 dibuktikan melalui pencapaian seperti di (Bukti 1 : JBend \_K5-li):

- Penglibatan Pengurusan Kanan dalam perkongsian ilmu di peringkat Universiti dan negara.
- Penglibatan staf kumpulan Pengurusan & Profesional JBend dalam perkongsian ilmu di peringkat Universiti
- Penganjuran 72 kursus dan latihan strategik kepada staf anjuran pelbagai pihak dalam dan luar UiTM
- 48 staf JBend berkecemerlangan profesional dengan badan profesional perakaunan yang diiktiraf

Hasil daripada Bengkel Pelan Kewangan UiTM, dokumen pelan strategik disusun dan diterbitkan sebagai sumber rujukan dan panduan staf untuk menguruskan kewangan universiti dengan lebih tangkas dan efisien.

(Bukti 2 : JBend \_K5-iii)

Tindakan penambahbaikan sentiasa dilaksanakan bagi meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan seperti contoh integrasi FAIS dengan sistem MASMED2u bagi pembayaran pinjaman Program Keusahawanan pelajar UiTM. (Bukti 3 : JBend \_K5-iiii)

Selain itu, JBend membangunkan modul baharu iaitu Modul Kerja dalam FINEP2.0 yang memudahkan proses pengurusan perolehan kerja dan perkhidmatan fasiliti yang sebelum ini dilaksanakan secara manual.

(Bukti 3: JBend \_K5-iiii)

Latihan untuk meningkatkan kompetensi staf dilaksanakan melalui pelbagai platform fizikal dan digital yang memberikan keselesaan dan kemudahan kepada staf dalam memenuhi keperluan latihan. Ketersediaan eKadar@PBend juga telah memberi kemudahan rujukan yang efektif kepada semua warga UiTM. (Bukti 3: JBend \_K5-iiii)

Pemberian akses VPN telah membolehkan staf mengakses sistem pengurusan kewangan secara fleksibel yang secara langsung memperkasakan sistem kewangan serta memperkukuhkan keberkesanan pengurusan kewangan Universiti.

(Bukti 4: JBend \_K5-liv)

Penghargaan kepada usaha, sumbangan, kompetensi dan kecemerlangan prestasi serta penglibatan dalam sukan, AKNC, JLPB dan Jawatankuasa Dalaman yang membantu pencapaian pengurusan kewangan terbaik JBend telah diberikan melalui pengiktirafan dalam Majlis Penghargaan APC & Majlis Persaraan Staf Tahun 2024 semasa Mesyuarat Agung Tahunan KKJB serta Majlis Apresiasi. (Bukti 5 : JBend \_K5-lv)

### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0072\\_S01\\_SB05\\_20251\\_Bukti 1\\_JBend\\_K5-li\\_.pdf](#)
2. [B0072\\_S01\\_SB05\\_20252\\_Bukti 2\\_JBend\\_K5-iii\\_.pdf](#)
3. [B0072\\_S01\\_SB05\\_20253\\_Bukti 3\\_JBend\\_K5-iiii\\_.pdf](#)
4. [B0072\\_S01\\_SB05\\_20254\\_Bukti 4\\_JBend\\_K5-liv\\_.pdf](#)



## **KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI**

### **6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

JBend memainkan peranan strategik dalam memastikan pengurusan kewangan universiti kekal mampan, efisien dan berintegriti. Bagi mencapai objektif ini, JBend telah melaksanakan 9 aktiviti teras merangkumi 12 fungsi utama yang menyokong keseluruhan rantai pengurusan kewangan universiti.

Pendekatan pengurusan berteraskan model Plan-Do-Check-Action (PDCA) digunakan secara menyeluruh, selaras dengan PSPB 2021–2025, Manual Kualiti MK.PBUiTM.PPK.01 dan 39 Prosedur Operasi berdasarkan piawaian ISO 9001:2015. Inisiatif ini menjadikan Dasar Kualiti JBend sebagai asas perancangan (Plan) yang kukuh, sekaligus memacu penambahbaikan berterusan dan pembangunan sistem dalaman secara holistik.

Dalam fasa pelaksanaan (Do), fokus diberikan kepada 5 bidang operasi utama iaitu Belanjawan, Terimaan, Perolehan, Bayaran dan Aset. Penekanan diberikan kepada agihan sumber berdasarkan keperluan sebenar, penjimatan kos secara berhemah, serta pemindahan ilmu secara berstruktur melalui emel, bengkel dan taklimat kepada seluruh warga kerja. Langkah ini memastikan operasi kewangan bukan sahaja dilaksanakan secara cekap, tetapi juga untuk meningkatkan pemahaman warga Universiti serta menyokong agenda kemampanan untuk jangka panjang.

Bagi menjamin kesinambungan inisiatif, keberkesanan pelaksanaan dipantau (Check) menerusi laporan dan mesyuarat rasmi seperti MPKJB, MKSP, MPKU, JPKA dan JPAKU. Penilaian prestasi ini diperkukuh dengan dapatan kaji selidik Indeks Kepuasan Hati Pelanggan dan input audit serta kawalan dalaman. Tindakan pembetulan (Action) dan penambahbaikan terhadap proses kewangan dibuat secara berterusan bagi memastikan setiap proses kewangan kekal relevan, responsif dan selaras dengan keperluan semasa universiti.

Secara keseluruhannya, amalan pengurusan kewangan berasaskan pendekatan PDCA bukan sahaja membolehkan JBend mengekalkan kelestarian perkhidmatan, malah menambah baik inisiatif kewangan dengan lebih sistematik serta meningkatkan keberkesanan penyampaian selaras dengan harapan pihak berkepentingan. Pendekatan ini juga telah memperkukuh kedudukan UiTM sebagai sebuah institusi yang cemerlang dalam tadbir urus kewangan di samping menyokong pencapaian misi universiti ke arah kelestarian jangka panjang.

## 6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

JBend telah mengenal pasti 5 daripada 9 aktiviti teras kewangan dalam bidang tumpuan pengurusan kewangan merangkumi Belanjawan, Terimaan, Perolehan, Bayaran dan Aset sebagai komponen utama pelaksanaan inisiatif PSPB2021–2025 demi kelestarian kewangan jangka panjang.

### 6.2.1 Pengurusan Belanjawan

Merangkumi proses merancang, menyediakan, mengagih dan mengawal belanjawan tahunan secara menyeluruh dengan pematuhan kepada AP, Pekeliling Naib Canselor serta peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

Antara pelaksanaan proses utama:

- Mengeluarkan Garis Panduan Strategi Bajet UiTM 2024 melalui Pekeliling Naib Canselor Bilangan 2 Tahun 2023 sebagai medium rasmi penyampaian strategi belanjawan kepada PTj. Ia menekankan kawalan perbelanjaan berhemat serta mempergiat usaha penjanaan pendapatan. (Bukti 1: JBend \_K6-Ai)
- Pelaksanaan modul FINEBudget membolehkan pemantauan prestasi perbelanjaan dilakukan secara telus dan efisien di peringkat PTj. Ia memberi kuasa autonomi kepada PTj untuk lebih bertanggungjawab dalam merancang dan mengurus perbelanjaan berdasarkan data kewangan sebenar. (Bukti 1: JBend \_K6-Ai)
- Sistem JBNP memudahkan proses permohonan peruntukan oleh PTj bagi pembelian aset, kelengkapan pejabat, peralatan, kenderaan serta kerja-kerja ubah suai/ naik taraf kemudahan/ bangunan kerana mempercepatkan kelulusan serta memperkemarkan proses kawalan belanjawan. (Bukti 1: JBend \_K6-Ai)
- Perancangan kaedah pendanaan seperti pelaksanaan inisiatif penstrukturan hasil dan pewujudan TASF bagi menangani ketidakcukupan sumber kewangan universiti. (Bukti 1: JBend \_K6-Ai)

### 6.2.2 Pengurusan Terimaan

Tumpuan kepada proses kutipan hasil dan memastikan transaksi direkod dengan teratur dan tepat melalui sistem digital yang efisien. Bagi memastikan sistem terimaan ini kekal relevan dan berfungsi secara optimum, JBend telah melaksanakan beberapa inisiatif utama:

- Penggunaan 99 Virtual Account telah meningkatkan prestasi perekodan hasil dengan memindahkan tanggungjawab pengenalpastian transaksi dari BASK ke UKZ yang mempercepat proses dan mengurangkan kebergantungan kepada pusat tertentu.
- Pembinaan platform FINEPay sebagai medium terimaan dalam talian yang fleksibel dan khusus mengikut keperluan PTj, meningkatkan kecekapan kutipan hasil dan penjanaan resit elektronik.
- Kepelbagaian kaedah bayaran sebagai fleksibiliti dan keselesaan kepada pelanggan sama ada secara fizikal di lokasi yang ditetapkan atau melalui saluran lain seperti QR Code, IBG dan FINEPay.
- Pemantapan kutipan hasil tertunggak melalui penguatkuasaan kawalan kredit dan sistem CTOS

(Bukti 2: JBend\_K6-Aii).

### 6.2.3 Pengurusan Perolehan

meningkatkan kecekapan, ketelusan dan kawalan kos perbelanjaan universiti meliputi perancangan hingga pembekalan barangan, perkhidmatan atau kerja berdasarkan tadbir urus dan pematuhan dasar kewangan.

Sistem FINeP2.0 diperkenalkan untuk menguruskan proses perolehan secara elektronik dari peringkat perancangan perolehan, permohonan kelulusan sehingga pelaksanaan bayaran.

Sistem ini meningkatkan kecekapan operasi dan integriti melalui ketelusan rekod transaksi serta pematuhan piawaian kewangan, mempercepat keputusan dan akauntabiliti sekaligus memastikan pengurusan perolehan berjalan secara strategik dan mampan, seiring dengan prinsip value for money serta objektif strategik universiti. (Bukti 3: JBend \_K6-Aiii)

#### **6.2.4 Pengurusan Bayaran**

Memastikan bayaran kepada pelanggan dilaksanakan dengan tepat dan mematuhi peraturan melalui kaedah pembayaran termasuk IBG (Interbank GIRO), Cek, Bank Draft, Telegraphic Transfer dan Salary Crediting bagi menjamin penyampaian perkhidmatan kewangan yang efisien, telus dan pengurusan aliran tunai yang optimum. (Bukti 3: JBend \_K6-Aiv)

#### **6.2.5 Pengurusan Aset**

Menekankan verifikasi tahunan melalui Sistem FINeAsset untuk memastikan aset berada dalam keadaan optimum, mengesahkan kewujudan, fungsi, keselamatan serta prestasi aset sekaligus memudahkan pelaporan dan pemantauan secara sistematik. (Bukti 5: JBend \_K6-Av).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0072\\_O01\\_OB02\\_20251\\_Bukti 1\\_JBend\\_K6-Ai.pdf](#)
2. [B0072\\_O01\\_OB02\\_20252\\_Bukti 2\\_JBend\\_K6-Aii\\_.pdf](#)
3. [B0072\\_O01\\_OB02\\_20253\\_Bukti 3\\_JBend\\_K6-Aiii\\_.pdf](#)
4. [B0072\\_O01\\_OB02\\_20254\\_Bukti 4\\_JBend\\_K6-Aiv\\_.pdf](#)
5. [B0072\\_O01\\_OB02\\_20255\\_Bukti 5\\_JBend\\_K6-Av.pdf](#)

## **6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

JBend memperkasa pengurusan kewangan UiTM melalui aplikasi model PDCA dalam 5 fungsi utama iaitu Belanjawan, Terimaan, Perolehan, Bayaran dan Aset bagi mencapai kelestarian dan keberkesanan pengurusan kewangan universiti secara menyeluruh.

### **6.3.1 Pengurusan Belanjawan**

Cabaran ketidakcukupan sumber, penggunaan peruntukan tidak optimum serta kaedah permohonan bajet secara manual dan kurang berstruktur telah dikenal pasti dan ditangani melalui strategi berikut:

1. Cadangan Agihan Peruntukan
2. Penggunaan Sistem JBNP
3. Strategi Pendanaan dan Penjanaan Pendapatan

Perincian tindakan PDCA adalah seperti dalam (Bukti 1: JBend\_K6-Di)

### **6.3.2 Pengurusan Terimaan**

Cabaran dalam pengurusan terimaan iaitu hasil tertunggak serta kesukaran mengenal pasti tunai yang diterima telah ditangani oleh JBend melalui strategi berikut:

1. Virtual Account
2. FINEPay
3. Kod QR

Perincian tindakan PDCA adalah seperti dalam (Bukti 2: JBend\_K6-Dii)

### **6.3.3 Pengurusan Perolehan**

Berdasarkan PSPB2021-2025, AMP dan isu teknikal pada sistem pengurusan perolehan iaitu FINEP yang berlaku sepanjang pelaksanaan proses telah ditangani dan ditambah baik kepada FINEP2.0 dengan keberkesanan ciri-ciri dan fungsi yang lebih baik. Perincian PDCA adalah seperti dalam (Bukti 3 : JBend\_K6-Diii).

### **6.3.4 Pengurusan Bayaran**

Proses bayaran sentiasa ditambah baik untuk menepati keperluan piagam pelanggan JBend. Kaedah pembayaran yang lebih pantas dan mengurangkan proses tindakan telah dijayakan melalui pelaksanaan IBG-Host to Host (IBG, Bank Draft, Telegraphic Transfer dan Salary Crediting) berkurangan dari 5 kepada 2 proses. Penggunaan kaedah ini telah dipanjangkan ke seluruh kampus UiTM. Perincian PDCA adalah seperti dalam (Bukti 4: JBend\_K6-Div)

### **6.3.5 Pengurusan Aset**

Proses e-Verifikasi aset dibangunkan secara dalam talian bagi menilai prestasi aset secara tahunan untuk meningkatkan ketelusan, memudahkan pemantauan dan memperkukuh pengurusan aset Universiti. Perincian PDCA adalah seperti dalam (Bukti 5: JBend\_K6-Dv)

## **SENARAI BUKTI :**

1. [B0072\\_O01\\_OB03\\_20251\\_Bukti 1\\_JBend\\_K6-Di\\_.pdf](#)
2. [B0072\\_O01\\_OB03\\_20252\\_Bukti 2\\_JBend\\_K6-Dii\\_.pdf](#)
3. [B0072\\_O01\\_OB03\\_20253\\_Bukti 3\\_JBend\\_K6-Diii\\_.pdf](#)
4. [B0072\\_O01\\_OB03\\_20254\\_Bukti 4\\_JBend\\_K6-Div\\_.pdf](#)
5. [B0072\\_O01\\_OB03\\_20255\\_Bukti 5\\_JBend\\_K6-Dv\\_.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

JBend komited dalam melaksanakan pengurusan kewangan Universiti secara cekap dan sistematik melalui pelbagai inisiatif yang digariskan di bawah PSPB2021–2025, berteraskan Strategi 2: Tadbir Urus Tangkas demi memperkukuh proses kerja pengurusan kewangan.

Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kewangan yang berkualiti, Pengurusan Kanan sentiasa memantau pelaksanaan inisiatif melalui pelbagai platform mesyuarat seperti MPKJB (Bukti 1: JBend \_K6-L-Ci), MKSP, MPKU (Bukti 2: JBend \_K6-L-Cii), JPKA dan JPAKU (Bukti 3: JBend \_K6-L-Ciii).

Laporan prestasi kewangan dibentangkan dalam mesyuarat yang dihadiri oleh barisan ahli mesyuarat yang terdiri daripada Pengurusan Eksekutif Universiti (JPKA, JPAKU) dan Ketua Jabatan/Zon JBend serta JBendC (MPKJB, MKSP, MPKU). Antara langkah penambahbaikan yang dilaksanakan termasuklah naik taraf berkala sistem FINeP2.0 yang telah memberi nilai tambah kepada pengurusan kewangan di peringkat induk dan kampus cawangan seperti peningkatan jumlah syarikat yang berdaftar menggunakan EP dari 3,341 buah syarikat pada tahun 2023 kepada 3,349 syarikat pada tahun 2024.

Proses dan prosedur kewangan turut disemak serta dipantau menerusi audit dalaman oleh PAD ISO JBend sebanyak dua kali setahun (Bukti 4: JBend \_K6-L-Civ). Di bawah skop pensijilan ISO 9001:2015, pengurusan kewangan UiTM juga diaudit oleh LRQA (Bukti 5: JBend \_K6-L-Cv) 8/8/24 (Perlis), 15/8/2024 (Shah Alam). Pengurusan kewangan turut tertakluk kepada pengauditan oleh agensi luar seperti LHDN, JAN, BAD serta Unit Integriti (Audit Pematuhan Etika).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0072\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20251\\_Bukti 1\\_JBend\\_K6-L-Ci\\_.pdf](#)
2. [B0072\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20252\\_Bukti 2\\_JBend\\_K6-L-Cii\\_.pdf](#)
3. [B0072\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20253\\_Bukti 3\\_JBend\\_K6-L-Ciii\\_.pdf](#)
4. [B0072\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20254\\_Bukti 4\\_JBend\\_K6-L-Civ.pdf](#)
5. [B0072\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20255\\_Bukti 5\\_JBend\\_K6-L-Cv\\_.pdf](#)

## **6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

JK Pemilik Risiko ditubuhkan JBend untuk pelaksanaan penilaian risiko secara berterusan melalui Daftar Pengurusan Risiko yang telah didaftarkan dalam e-RMS yang sentiasa dikemaskini di FINEPortal. Tahap keberkesanan tindakan dipantau oleh Pengurusan Kanan JBend melalui pelaporan di MKSP.

Daripada 94 risiko didaftarkan, 52 berkaitan 5 aktiviti teras: 3 risiko Pengurusan Belanjawan, 7 risiko Pengurusan Perolehan, 9 risiko Pengurusan Terimaan, 19 risiko Pengurusan Bayaran dan 14 risiko Pengurusan Aset.

(Bukti 1: JBend\_K6-L-Ri)

### **6.4.2.1 Pengurusan Belanjawan**

Peruntukan tidak mencukupi bagi operasi mengurus kerana pengurangan/sekatan peruntukan daripada Kerajaan dikawal melalui perbelanjaan berhemat dan langkah penjimatan kos operasi serta pemakluman melalui emel dan pekeliling strategi pengurusan bajet tahunan. (Bukti 2: JBend\_K6-L-Rii).

### **6.4.2.2 Pengurusan Terimaan**

Kehilangan wang awam kerana kecuaiian, kecurian atau bencana alam dicegah melalui kemudahan pembayaran elektronik. Manakala terimaan tidak dikenalpasti akibat maklumat pembayar atau tujuan bayaran tidak lengkap dikawal melalui penggunaan virtual account untuk pengesanan dan rekod terimaan yang lebih sistematik. (Bukti 3: JBend\_K6-L-Riii)

### **6.4.2.3 Pengurusan Perolehan**

LO tertanggung akibat kelewatan pembekalan barang/perkhidmatan/kerja yang tidak diselesaikan dalam tempoh serahan dikawal melalui pemantauan oleh PTj dan FAIS. Manakala persaingan harga tidak telus disebabkan isu kartel dan penipuan pembidaan dicegah melalui pelaksanaan taklimat perolehan dan kursus FINE2.0 anjuran JBend dan kerjasama pelbagai PTj dan agensi berkaitan. (Bukti 4: JBend\_K6-L-Riv)

### **6.4.2.4 Pengurusan Bayaran**

Kelewatan proses pembayaran melebihi 7 hari sehingga tidak mencapai sasaran Piagam Pelanggan dikawal melalui pemantauan berterusan oleh PTj. (Bukti 5: JBend\_K6-L-Rv-a)

### **6.4.2.5 Pengurusan Aset**

Kehilangan aset akibat pergerakan yang sukar dikesan dicegah melalui pelaksanaan verifikasi mengikut jadual agar aset mempunyai rekod lengkap, berkeadaan baik dan digunakan secara optimum.

Kerosakan aset kerana terdedah kepada cuaca, tidak diselenggara atau tidak digunakan untuk tempoh lama pula dikawal melalui pelaksanaan pemeriksaan berkala untuk keperluan penyelenggaraan berjadual. (Bukti 5: JBend\_K6-L-Rv-b)

## **SENARAI BUKTI :**

1. [B0072\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20251\\_Bukti 1\\_JBend\\_K6-L-Ri.pdf](#)
2. [B0072\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20252\\_Bukti 2\\_JBend\\_K6-L-Rii.pdf](#)
3. [B0072\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20253\\_Bukti 3\\_JBend\\_K6-L-Riii.pdf](#)
4. [B0072\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20254\\_Bukti 4\\_JBend\\_K6-L-Riv.pdf](#)
5. [B0072\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20255\\_Bukti 5\\_JBend\\_K6-L-Rv.pdf](#)



### 6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

#### Penambahbaikan Berterusan Proses Pengurusan Kewangan

JBend komited meningkatkan kecekapan proses pengurusan kewangan melalui pemantauan berterusan serta penambahbaikan berdasarkan kajian semula proses dan operasi di MKSP. Analisis pencapaian proses kewangan dibentangkan secara berkala, manakala tindakan susulan diambil terhadap operasi yang tidak mencapai sasaran. Proses ini turut disemak dan disesuaikan mengikut keperluan serta perubahan semasa. Selain itu, prestasi objektif kualiti, penemuan audit dan agenda berkaitan turut dibincangkan sebagai sebahagian daripada usaha penambahbaikan berterusan.

(Bukti 1: JBend\_K6-L-Pi)

Maklum balas pengguna telah menjadi rujukan untuk tindakan kaji semula proses kewangan bagi pelaksanaan penambahbaikan. Contohnya, menu perolehan kerja di FINeP2.0 yang ditambah baik dengan melibatkan proses Penilaian Kerja & Perkhidmatan Fasilitas. (Bukti 2: JBend\_K6-L-Pii)

BBU telah menambah baik sistem APDEX/API kepada sistem JBPNP bagi memudahkan PTj membuat permohonan peruntukan bagi tujuan pembelian aset, perabot, peralatan, kenderaan, kerja-kerja ubah suai/ naik taraf kemudahan/ bangunan. (Bukti 3: JBend\_K6-L-Piii)

Hasil pemantauan terhadap prestasi sistem e-Verifikasi menunjukkan keperluan bimbingan kepada custodian baharu yang kurang mahir (Bukti 4: JBend\_K6-L-Piv). Sehubungan itu, usaha memperkukuh kefahaman berkaitan pengurusan aset telah dipertingkatkan melalui penghasilan video Modul Pengurusan Aset UiTM dengan kerjasama iCEPS dan KPK. Modul ini telah boleh diakses oleh pengguna mulai 1 Januari 2024 (Bukti 5: JBend\_K6-L-Pv).

Di samping itu, Laporan Kemajuan Verifikasi Harta yang boleh dijana melalui FINeAsset menjadi rujukan kepada JPKA/JPAKU bagi membantu PTj mengambil tindakan terhadap aset yang berstatus selain daripada Baik & Digunakan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0072\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20251\\_Bukti 1\\_JBend\\_K6-L-Pi\\_.pdf](#)
2. [B0072\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20252\\_Bukti 2\\_JBend\\_K6-L-Pii\\_.pdf](#)
3. [B0072\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20253\\_Bukti 3\\_JBend\\_K6-L-Piii\\_.pdf](#)
4. [B0072\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20254\\_Bukti 4\\_JBend\\_K6-L-Piv\\_.pdf](#)
5. [B0072\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20255\\_Bukti 5\\_JBend\\_K6-L-Pv\\_.pdf](#)

## 6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Proses penambahbaikan berterusan memastikan inisiatif yang telah dibangunkan kekal relevan dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan.

Skop FINEP2.0 telah diperluas dari perolehan Modul bekalan kepada Modul Perolehan Perkhidmatan Fasiliti dan Kerja. Antara penambahbaikan yang telah dilaksanakan adalah menu penilaian kerja dan perkhidmatan fasiliti .(Bukti 1: JBend\_K6-li)

Modul IBG-H2H yang dibangunkan untuk penghantaran data bayaran secara langsung dari server sistem FAIS ke dalam server eBankerPro BIMB dan telah digunakan secara menyeluruh pada tahun 2024 telah mengurangkan proses utama dari 5 kepada 2. Secara keseluruhan proses kerja bayaran telah berjaya disingkatkan daripada 18 kepada 10 yang seterusnya menyumbang kepada penjimatan masa dan peningkatan kecekapan proses. (Bukti 2: JBend\_K6-lii)

Sistem JBPNP telah dibangunkan dan digunakan sepenuhnya mulai September 2024 sebagai platform permohonan peruntukan bagi tujuan pembelian aset, perabot, peralatan, kenderaan, kerja-kerja ubahsuai/naik taraf kemudahan/bangunan secara dalam talian. Penggunaan sistem JBPNP telah meningkatkan kecekapan mesyuarat, mengurangkan penggunaan kertas, memudahkan PTj menyemak status permohonan dan menjimatkan masa. (Bukti 3: JBend\_K6-liii)

Melalui AMP, JBend telah mengenal pasti ruang penambahbaikan perkhidmatan agar dapat melangkaui jangkaan pelanggan. Susulan kejayaan integrasi FINEPay-KiplePay, JBend telah memperkenalkan satu lagi medium pembayaran bil pelajar melalui platform KiplePay pada Oktober 2024 yang telah diintegrasikan dengan portal pembayaran dalam talian sedia ada. Kaedah ini telah berjaya mengurangkan kebergantungan kepada platform bayaran lain serta menjadi alternatif ketika gangguan teknikal semasa waktu puncak akibat trafik yang tinggi. KiplePay turut menyediakan lebih banyak pilihan mod pembayaran termasuklah FPX. Selaras dengan penggunaan platform KiplePay ini, Portal Kiple Report telah dibangunkan untuk memudahkan semakan silang terhadap transaksi pembayaran yang berjaya (Bukti 4: JBend\_K6-liv).

Surat penghargaan dan pemakluman aset telah selesai diverifikasi dihantar kepada PTj yang berjaya menyelesaikan proses verifikasi 100%. PTj juga dimaklumkan bahawa tindakan susulan perlu diambil terhadap aset yang berstatus selain dari Baik & Digunakan.(Bukti 5: JBend\_K6-lv)

### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0072\\_O01\\_OB05\\_20251\\_Bukti 1\\_JBend\\_K6-li .pdf](#)
2. [B0072\\_O01\\_OB05\\_20252\\_Bukti 2\\_JBend\\_K6-lii .pdf](#)
3. [B0072\\_O01\\_OB05\\_20253\\_Bukti 3\\_JBend\\_K6-liii.pdf](#)
4. [B0072\\_O01\\_OB05\\_20254\\_Bukti 4\\_JBend\\_K6-liv.pdf](#)
5. [B0072\\_O01\\_OB05\\_20255\\_Bukti 5\\_JBend\\_K6-lv.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.1 HASIL UTAMA 1**

Hasil Tumpuan Pelanggan merangkumi kepada aspek profesionalisme dan kompetensi staf dalam mendepani pelanggan, keyakinan dan kepercayaan pelanggan terhadap JBend, ketepatan masa dan keupayaan menepati janji berhubung Piagam Pelanggan, tahap keselamatan maklumat, penambahbaikan berterusan terhadap Sistem Kewangan, pengurusan emosi, empati, jaminan, ketepatan serta kepatuhan, persekitaran yang kondusif kepada pelanggannya.

#### **7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

##### **7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

JBend terus mengukuhkan komitmen terhadap **kelestarian kewangan** melalui pendekatan strategik berteraskan **ADLI (Approach, Deployment, Learning, Integration)** dan **LeTCI** yang dirancang rapi dan dilaksanakan secara sistematik serta menyeluruh dalam menganalisis hasil tumpuan pelanggan. Pendekatan ini menjadikan hasil tumpuan pelanggan sebagai indikator utama kepada reputasi dan kepercayaan pelanggan terhadap tadbir urus kewangan Universiti.

Penekanan kepada aspek hasil tumpuan pelanggan mengambilkira kepada keberkesanan sesuatu perkhidmatan kewangan bukan sahaja boleh dinilai dari segi kecekapan teknikal, malah turut melibatkan tahap kepuasan pelanggan yang menjadi penerima perkhidmatan tersebut. Melalui kerangka analisis **LeTCI** yang merangkumi empat elemen iaitu *Level (Tahap)*, *Trend (Tren)*, *Comparison (Perbandingan)* dan *Importance (Kepentingan)*, terhadap aspek perkhidmatan merangkumi profesionalisme dan kompetensi staf dalam mendepani pelanggan, keyakinan dan kepercayaan pelanggan terhadap JBend, ketepatan masa dan keupayaan menepati janji berhubung Piagam Pelanggan, tahap keselamatan maklumat, penambahbaikan berterusan terhadap Sistem Kewangan, pengurusan emosi, empati, jaminan, ketepatan serta kepatuhan, persekitaran yang kondusif kepada pelanggannya.

##### **7.1.1.1 Level (Tahap Semasa Prestasi Perkhidmatan Pelanggan)**

Prestasi perkhidmatan pelanggan JBend adalah tinggi dan konsisten dengan peratusan melebihi 90% setiap tahun sejak 2022. Ini dibuktikan melalui kadar penyelesaian AMP dalam masa yang ditetapkan, pematuhan kepada Piagam Pelanggan dan tahap kepuasan pelanggan yang konsisten. Penekanan kepada kompetensi, kecekapan masa, integriti dan keselamatan maklumat memperkukuh keyakinan pelanggan, sekaligus menyumbang kepada kelestarian kewangan melalui sistem yang efisien dan mesra pengguna. Malah turut mengurangkan bebanan operasi manual, mempercepatkan aliran kewangan dan menambah baik pematuhan terhadap prosedur kewangan.

##### **7.1.1.2 Trend (Arah Aliran Pencapaian Terkini)**

Berdasarkan kepada 3 tahun ke belakang, JBend memperlihatkan **trend peningkatan yang stabil** dalam pelbagai aspek perkhidmatan pelanggan. Inisiatif transformasi digital seperti pelaksanaan **FINePortal**, **FINeP** dan **FINePay** telah mempermudah transaksi kewangan serta mempercepatkan akses capaian kepada pelanggan.

Penambahbaikan sistem dan keupayaan staf turut ditingkatkan melalui latihan berterusan, sejajar dengan matlamat Pengurusan Kanan untuk mempercepatkan proses, mengurangkan kos dan memberi impak tinggi kepada pemegang taruh.

##### **7.1.1.3 Perbandingan dengan Standard atau Institusi Lain (Comparison)**

Perbandingan dalaman dan luaran membuktikan bahawa JBend berada pada kedudukan kompetitif di kalangan institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Amalan terbaik seperti pematuhan

kepada me-robust, pengkualan digital, pematuhan e-TCI, serta pelaksanaan sistem pengurusan aduan pelanggan e-Aduan adalah antara kelebihan yang meletakkan JBend setanding dengan jabatan kewangan universiti lain.

Tambahan pula, perbandingan prestasi KPI dalaman dan skor penilaian pelaksanaan aktiviti kewangan turut menunjukkan JBend berada pada **tahap piawaian yang tinggi**, sekaligus menyokong matlamat kelestarian melalui tadbir urus yang baik dan pematuhan yang kukuh terhadap kawal selia.

#### **7.1.1.4 Kepentingan terhadap Misi dan Kelestarian Universiti (*Importance*)**

Hasil tumpuan pelanggan JBend merupakan **tonggak utama kelestarian kewangan UiTM**. Perkhidmatan yang telus dan responsif bukan sahaja memperkukuhkan akauntabiliti tetapi juga membina kepercayaan pelanggan.

Penambahbaikan kepada sistem digital dan pemerksaan staf yang kompeten turut mengurangkan kos pengurusan jangka panjang, sekaligus menyumbang kepada model kewangan universiti yang mampan dan berdaya saing.

#### **Kesimpulan**

JBend membuktikan bahawa melalui pendekatan berasaskan LeTCI telah menyumbang kepada penambahbaikan perkhidmatan dan memperkukuh tadbir urus kewangan. Melalui prestasi cemerlang, kedudukan yang kompetitif serta penekanan terhadap keperluan pelanggan, JBend menjadi sebuah jabatan kewangan yang terus berperanan sebagai pemacu utama ke arah kelestarian kewangan.

#### **7.1.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H1\\_B0072\\_HB02\\_20251\\_7.1.2 - JBend - Tahap Hasil Tumpuan Pelanggan.pdf](#)

#### **7.1.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H1\\_B0072\\_HB03\\_20252\\_7.1.3 - JBend - Trend Hasil Tumpuan Pelanggan.pdf](#)

#### **7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H1\\_B0072\\_HB04\\_20253\\_7.1.4 - JBend - Perbandingan Tanda Aras Hasil Tumpuan Pelanggan.pdf](#)

#### **7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H1\\_B0072\\_HB05\\_20254\\_7.1.5 - JBend - Kepentingan Hasil Tumpuan Pelanggan.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.2 HASIL UTAMA 2**

Hasil ketiga menumpukan kepada hasil kewangan. Tumpuan diberikan kepada prestasi pengurusan kewangan meliputi penjanaaan pendapatan dalaman, penjimatan kos dan pemantapan kutipan hasil.

#### **7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

##### **Perancangan**

JBend merupakan peneraju utama tema ke arah kemampunan kewangan Universiti. Bagi mencapai kemampunan kewangan yang merupakan antara agenda utama di bawah PSPB2021-2025, JBend telah merancang dan melaksanakan tiga inisiatif berikut dalam tahun 2024:

- **Penjanaaan pendapatan dalaman;**
- **Penjimatan kos;** dan
- **Pemantapan kutipan hasil.**

##### **Pelaksanaan**

#### **1. Sasaran KPT Menjana Pendapatan Dalaman dan Sasaran Universiti Menjana Pendapatan Dalaman RM458 Juta**

JBend komited menyokong hasrat KPT dan Universiti mencapai matlamat kemampunan kewangan melalui sasaran 20% penjanaaan pendapatan dalaman dan penjanaaan pendapatan dalaman RM458 juta dalam tahun 2024. Hasil pelbagai inisiatif penjanaaan pendapatan melalui yuran pengajian dan pelaburan, endowmen dan wakaf serta aktiviti komersial seperti sewaan, kursus dan seminar, UiTM berjaya **mencapai sasaran KPT 20%** penjanaaan pendapatan manakala penjanaaan pendapatan dalaman **mencapai RM604.68 juta** untuk tahun 2024.

Penetapan **KPI dan PI penjanaaan pendapatan disebar luas kepada PTj dan Kampus di seluruh sistem** sebagai pihak yang bertanggungjawab terhadap sumber kewangan Universiti. Inisiatif-inisiatif strategik digerakkan dengan merujuk kepada dokumen **UniTP Purple Book: Enhancing University Income Generation, Endowment and Waqf** (KPT). JBend juga telah menyediakan **Strategi Penstrukturan Semula Hasil Dalaman Universiti Tahun 2024** melalui Pekeliling Bendahari Bilangan 22 Tahun 2024 sebagai inisiatif bagi memastikan penjanaaan pendapatan diagihkan mengikut keutamaan Universiti.

#### **2. Sasaran Penjimatan Strategik RM60 Juta**

Bagi menyahut saranan KPT untuk mengoptimumkan kos, JBend telah mengeluarkan Garis Panduan **Strategi Bajet UiTM Tahun 2024** melalui Pekeliling Naib Canselor Bilangan 02 Tahun 2023 yang menggariskan strategi pengurusan kos bagi mengawal perbelanjaan Universiti melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif penjimatan berfokus antaranya semakan semula skop penyelenggaraan kontrak, galakan pelaksanaan aktiviti dalam premis UiTM atau secara maya, dan kawalan peruntukan syarahan sambilan. Hasilnya, UiTM berjaya mencatat **penjimatan perbelanjaan RM68.89 juta** dalam tahun 2024.

#### **3. Pemantapan Kutipan Hasil Tertunggak**

JBend telah mengeluarkan **Garis Panduan Pengurusan Kutipan Hasil Tertunggak** sebagai usaha memastikan pendapatan Universiti dapat diterima serta dikutip dalam tempoh yang ditetapkan. Garis panduan ini menekankan pelaksanaan tindakan susulan seperti panggilan telefon, e-mel, lawatan tapak dan surat peringatan. Sekiranya tindakan susulan pada peringkat Universiti tidak memberikan hasil yang efektif, Jawatankuasa Pemungut Hutang boleh mengesyorkan serahan senarai kutipan hasil tertunggak kepada Syarikat Pemungut Hutang

yang dilantik oleh Universiti.

### **Pemantauan**

Pemantauan dan pencapaian ke arah kemampunan kewangan dilaporkan kepada Pengurusan Kanan JBend dalam Bengkel Semakan Perancangan Strategik tahunan selain pelaporan dalam MPKU dan MKSP.

Kumpulan sasar telah dilibatkan dalam proses perancangan penambahbaikan melalui pelaksanaan kaji selidik, aduan serta maklum balas pelanggan di mana input yang diperolehi digunakan untuk tindakan penambahbaikan menyeluruh proses kewangan dengan mengambil kira keperluan dan kepuasan hati pelanggan.

Di peringkat Universiti, Pengurusan Kanan dilibatkan melalui pelaporan hasil tertunggak dan pencapaian penjana pendapatan yang dibentangkan dalam Mesyuarat JPKA Universiti setiap suku tahun dan Mesyuarat LPU setiap bulan. Pencapaian KPI dan PI penjana pendapatan juga dipantau melalui Sistem UePMO dan dibentangkan kepada seluruh warga UiTM setiap suku tahun.

Di peringkat KPT, prestasi perbelanjaan dan pencapaian KPI sasaran penjana pendapatan 20% (nisbah sumber dalaman berbanding perbelanjaan) bagi Universiti Bukan Penyelidikan (NRU) dilaporkan setiap suku tahun dalam Mesyuarat JPKA peringkat KPT di mana penglibatan Pengurusan Kanan KPT turut membantu penambahbaikan pengurusan kewangan Universiti.

#### **7.2.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H2\\_B0072\\_HB02\\_20251\\_7.2.2 JBend - Tahap Hasil Operasi.pdf](#)

#### **7.2.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H2\\_B0072\\_HB03\\_20252\\_7.2.3 JBend - Trend Hasil Operasi.pdf](#)

#### **7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H2\\_B0072\\_HB04\\_20253\\_7.2.4 JBend - Perbandingan Hasil Operasi.pdf](#)

#### **7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H2\\_B0072\\_HB05\\_20254\\_7.2.5 JBend - Kepentingan Hasil Operasi.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.3 HASIL UTAMA 3**

#### **Hasil Utama 2 : Operasi**

Hasil kedua ini menumpukan hasil daripada operasi pengurusan kewangan di bawah tanggungjawab JBend yang menekankan pencapaian JBend dalam pengurusan operasi kewangan, khususnya dari segi peningkatan pendanaan, pengurusan kos berkesan serta pemerkasaan inovasi pendigitalan ke arah kemampunan kewangan.

#### **7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

##### **Ringkasan Eksekutif.**

Pada tahun 2024, JBend terus mengekalkan prestasi cemerlang dalam pelaksanaan pengurusan kewangan universiti. Seiring dengan tema AKNC tahun ini, JBend memfokus kepada pengukuhan hasil operasi melalui pengurusan yang telus, cekap, dan inovatif. Kejayaan ini diterjemah melalui pencapaian yang konsisten dalam aspek belanjawan, terimaan, bayaran, perolehan serta pengurusan aset, sekali gus membuktikan JBend sentiasa mendukung agenda kelestarian kewangan universiti.

Dalam aspek belanjawan, JBend telah berjaya menyediakan agihan bajet tahunan lebih awal daripada sasaran Piagam Pelanggan, dengan jumlah RM2.56 bilion melibatkan lebih 100 PTj. Dokumen Anggaran Belanjawan Mengurus (ABM) 2024 berjaya dihantar lebih awal daripada tarikh akhir yang ditetapkan KPT. Pengenalan Tabung Amanah Penyelenggaraan (Sinking Fund) UiTM turut menjadi strategi jangka panjang bagi menampung pembaikan fasiliti dan peralatan, membantu PTj merancang perbelanjaan dengan lebih teratur dan menyokong kelangsungan operasi universiti.

Bagi aspek terimaan, pelbagai inisiatif digital seperti FINEPay, Virtual Account dan KiplePay telah memperkukuh kecekapan kutipan hasil. Hasil pelajar meningkat daripada RM232 juta (2022) kepada RM375 juta (2024) selepas mod pembayaran melalui e-Wallet diperkenalkan. Penggunaan virtual account berjaya menurunkan hasil tidak dikenal pasti dan inovasi ini bukan sahaja meningkatkan ketepatan rekod kewangan, tetapi juga memberi kemudahan yang lebih baik kepada pelajar dan PTj.

Dalam urusan perolehan, sistem FINEP2.0 telah berjaya meningkatkan prestasi pelaksanaan perolehan pada tahun 2024. Kejayaan mengeluarkan hampir semua Pesanan Tempatan dalam tempoh lima hari membuktikan komitmen JBend terhadap keberkesanan operasi. Manakala dalam aspek bayaran, integrasi sistem FAIS dengan IBG Host-to-Host (IBG-H2H) telah mengurangkan proses kerja serta mengekalkan pencapaian 100% bayaran dalam tempoh tujuh hari, termasuk pembayaran gaji lebih 18,000 staf yang dibuat tepat pada tarikh ditetapkan setiap bulan.

Dari sudut pengurusan aset, sistem e-Verifikasi telah membantu meningkatkan tahap ketepatan kawalan aset dengan pencapaian melebihi sasaran, iaitu 92% item berjaya diverifikasi pada tahun 2024. Kecekapan ini memastikan aset universiti dapat digunakan secara optimum bagi menyokong PdP dan keperluan pelajar.

Keseluruhan pencapaian ini selari dengan strategi JBend untuk mendukung transformasi digital, meningkatkan perkhidmatan pelanggan dan memperkukuh tadbir urus kewangan terutamanya pengoperasian universiti. Kejayaan mengekalkan audit bersih, pensijilan semula ISO 9001:2015 serta pengiktirafan melalui anugerah kecemerlangan mencerminkan komitmen JBend untuk memberikan perkhidmatan kewangan yang sistematik, berintegriti dan efisien demi kelestarian kewangan universiti.

... (2025)

BUKTI : [H3\\_B0072\\_HB02\\_20251\\_7.3.2 JBend\\_Tahap Hasil Prestasi Keuangan.pdf](#)

### **7.3.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H3\\_B0072\\_HB03\\_20252\\_7.3.3 JBend\\_Trend Hasil Prestasi Keuangan .pdf](#)

### **7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H3\\_B0072\\_HB04\\_20253\\_7.3.4 JBend\\_Perbandingan Hasil Prestasi Keuangan.pdf](#)

### **7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H3\\_B0072\\_HB05\\_20254\\_7.3.5 JBend\\_Kepentingan Hasil Prestasi Keuangan.pdf](#)